



Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam
Malaysia



LAPORAN TAHUNAN

<http://www.spa.gov.my>

2017



LAPORAN TAHUNAN

<http://www.spa.gov.my>

2017

SIDANG EDITORIAL

Penaung

Tan Sri Arpah binti Abdul Razak

Penasihat

Dato' Zainal Abidin bin Ahmad
Ikhbal Hanam bin Mukras
Ruziah binti Hj Shafei

Pasukan Editorial

Asrul Shuhada binti Mohd Salleh
Raja Adnan bin Raja Ibrahim
Tuan Ahmad Fakhruddin bin Tuan Rosdi
Nurshakirah binti Hj. Md Samsudin
Nurulazraq bin Mohamad

Jawatankuasa Bacaan Pruf

Mohammad Nasrol bin Mat Nasir
(Bahagian Pengambilan Khas)

Jumakyah binti Yatim
(Bahagian Peperiksaan)

Anis binti Mohd Mokhtar
(Bahagian Naik Pangkat & Tatatertib)

Nor Hamiza binti Jelani
(Bahagian Pengambilan)

Jurufoto

Padzil bin Sanom
Reka Cetak Sdn. Bhd

Kerjasama Khas

Ahli-Ahli Suruhanjaya

Penghargaan

Bahagian Pengambilan
Bahagian Pengambilan Khas
Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
Bahagian Perkhidmatan
Bahagian Peperiksaan
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Urus Setia Mesyuarat
Bahagian Pengurusan
Unit Perhubungan Korporat
Urus Setia SPA Cawangan Sarawak
Urus Setia SPA Cawangan Sabah
Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman
dan Perundangan



VISI

Menjadi agensi peneraju yang berwibawa, dinamik dan profesional dalam pelantikan dan urus tadbir perkhidmatan penjawat awam.



MISI

Melantik penjawat awam yang berkualiti dan berintegriti serta menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan berkesan ke arah negara yang progresif dan maju.

MOTO

Mudah, Cepat,
Tepat

KANDUNGAN

3	Visi, Misi & Moto
5	Perutusan Pengerusi
9	Prakata Setiausaha
13	Ringkasan Eksekutif
17	Latar Belakang
21	Ahli-Ahli Suruhanjaya
25	Urus Setia Suruhanjaya
32	Pusat Temu Duga
35	Kaedah Pengambilan
39	Urusan Pelantikan
53	Urusan Perkhidmatan
63	Kenaikan Pangkat Dan Kawalan Tatatertib
67	Pelaksanaan Dan Pembangunan ICT
75	Mesyuarat Suruhanjaya
77	Bajet
79	Aktiviti Suruhanjaya
89	Jalinan Warga SPA
97	Delegasi Luar Negara
101	SPA Volunteer (SPAVOL)
108	Lampiran A
114	Lagu SPA



PERUTUSAN PENGERUSI



PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Di kesempatan ini, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas keizinan dan kurniaNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan di sepanjang tahun 2017 iaitu melaksanakan fungsi-fungsinya mengikut peruntukan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam menjalankan fungsinya melantik pegawai awam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, SPA melaksanakan kaedah pengambilan dan pelantikan berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon. Kaedah pelantikan ini bertujuan untuk memastikan hanya calon yang berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan sahaja dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam. Di samping itu, ia juga bagi memastikan semua calon diberi peluang yang sama untuk dipertimbangkan melalui persaingan yang terbuka dan adil.

Bagi memastikan proses pengambilan dan pelantikan penjawat awam dilaksanakan dengan lebih cekap, SPA sentiasa membangunkan sistem ICT seiring dengan

perkembangan teknologi terkini. Pada tahun 2017, SPA telah membangunkan tiga (3) sistem baharu iaitu Sistem MyPAC, Sistem Psikometrik dan Aplikasi Mobile Setuju Terima Lantikan serta menaik taraf dua (2) sistem sedia ada iaitu peningkatan keselamatan Sistem eKS dan Sistem eRuling SPA.

Selain urusan pengambilan dan pelantikan penjawat awam, SPA juga berjaya melaksanakan fungsinya dalam urusan perkhidmatan seperti mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, pertukaran perkhidmatan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam membantu SPA menjayakan fungsi yang diamanahkan kepadanya. Semoga segala usaha yang kita lakukan diberkati oleh Allah S.W.T. jua.

Salam hormat dan selamat maju jaya.

TAN SRI ARPAN BINTI ABDUL RAZAK

Pengerusi

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia





PRAKATA SETIAUSAHA



PRAKATA

SETIAUSAHA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas izin dan kurniaNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah berjaya melaksanakan fungsi-fungsi yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya direkodkan dalam Laporan Tahunan SPA Tahun 2017 ini.

Sepanjang tahun 2017, SPA telah memproses sebanyak 1,342,949 permohonan yang berdaftar di dalam Sistem Pendaftaran Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i) melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM). Daripada jumlah tersebut, seramai 300,110 calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga, dengan seramai 15,090 telah ditawarkan pelantikan tetap. Selain itu, SPA juga telah menguruskan pelantikan secara kontrak seramai 19,370 calon yang menjadikan jumlah pelantikan keseluruhan pada tahun 2017 adalah seramai 34,460 orang.

Selain daripada itu, dalam tempoh yang sama, seramai 18,976 pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan dan seramai 18,364 pegawai diberi taraf berpencen.

SPA juga telah memutuskan sebanyak 120 kes tindakan tatatertib dan 539 kes rayuan tatatertib. Dalam mempertimbangkan semua urusan tersebut, SPA telah mengadakan 40 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 40 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 39 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat melibatkan 3,041 kertas Suruhanjaya sepanjang tahun 2017.

Kecemerlangan secara berterusan yang dicapai oleh SPA ini pastinya disokong oleh semangat kerja berpasukan, integriti, prinsip akauntabiliti dan profesional yang sentiasa menjadi pegangan setiap warga SPA.

Kecemerlangan secara berterusan yang dicapai oleh SPA ini pastinya disokong oleh semangat kerja berpasukan, integriti, prinsip akauntabiliti dan profesional yang sentiasa menjadi pegangan setiap warga SPA.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga SPA dalam menyumbang kepada kejayaan SPA pada tahun ini. Segala kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama, komitmen, dedikasi dan disiplin yang

tinggi seluruh warga SPA.

Sekian, terima kasih.

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia





RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Fasal (1) Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh urus setia yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Bagi tahun 2017, dibawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan

berjumlah RM10,000,000.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM6,213,700.00 untuk emolumen, RM3,510,600.00 untuk perkhidmatan dan bekalan dan RM275,700.00 untuk pemberian dan kenaaan bayaran tetap. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan akaun awam adalah sebanyak RM6,007,630.28 atau 60.08% daripada nilai peruntukan yang telah diluluskan.

Di bawah maksud Bekalan (B05), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan sebanyak RM40,320,000.00. Daripada jumlah itu, sebanyak RM22,400,000.00 untuk emolumen, dan RM17,920,000.00 perkhidmatan dan bekalan. Peruntukan untuk pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan aset tidak diluluskan.

Walau bagaimanapun, sehingga tarikh penutupan akaun awam 2017, peruntukan yang diluluskan telah dipinda kepada RM36,320,000.00 disebabkan sekatan oleh Kementerian Kewangan dengan nilai sebanyak RM4,000,000.00. Daripada jumlah itu, sebanyak RM22,400,000.00 untuk emolumen, dan RM13,742,280.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, RM166,920.00 untuk aset dan RM10,800.00 untuk pemberian dan kenaaan bayaran tetap. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan akaun awam adalah sebanyak RM36,320,000.00 atau 93.79% daripada nilai peruntukan yang telah dipinda.

Urusan Suruhanjaya sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Permohonan	1,342,949
	▪ Bilangan Permohonan Diterima	
2	Pengambilan	
	▪ Bilangan Urusan Pengambilan	149
3	Pelantikan	
	▪ Bilangan Pelantikan Tetap	15,090
	▪ Bilangan Pelantikan Kontrak	19,370
4	Urusan Perkhidmatan	
	▪ Bilangan Pengesahan Pelantikan	13,595
	▪ Bilangan Pengesahan Dalam Perkhidmatan	18,976
	▪ Bilangan Pelanjutan Tempoh Percubaan	563
	▪ Bilangan Pemberian Taraf Berpencen	18,364
	▪ Bilangan Kembali ke dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu	8
	▪ Bilangan Pembatalan Tawaran Pelantikan	3
	▪ Bilangan Penamatan Perkhidmatan	121
	▪ Bilangan Penentuan Gaji Permulaan	765
	▪ Bilangan Pertukaran Perkhidmatan	88
	▪ Bilang Pertukaran Sementara, Peminjaman dan Pertukaran Tetap	434
	▪ Bilangan Pelepasan Untuk Peminjaman dan Pertukaran Pelantikan	115
	▪ Bilangan Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen	221
5	Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib	
	▪ Bilangan Kenaikan Pangkat	6
	▪ Bilangan Rayuan Kenaikan Pangkat	71
	▪ Bilangan Tindakan Tatatertib	120
	▪ Bilangan Rayuan Tatatertib	539

Mesyuarat Suruhanjaya sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut :

BIL	MESYUARAT	JUMLAH
1	Bilangan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	40
2	Bilangan Mesyuarat Khas Suruhanjaya	2
3	Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	40
4	Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam	39





LATAR BELAKANG

PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia telah ditubuhkan mengikut Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

Tugas Suruhanjaya

Selaras dengan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- melantik
- mengesahkan
- memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen
- menaikkan pangkat
- menukar
- menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

Bidang Kuasanya

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perkara 132(1)(c) Perlembagaan Persekutuan.
- anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perkara 132(1)(f) Perlembagaan Persekutuan.
- anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Penubuhan Pihak Berkuasa Tatatertib Dan Kenaikan Pangkat

Perkara 144 (5B) (i) Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 3(3), *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958* Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959* Negeri Sembilan memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada

kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

Selaras dengan peruntukan tersebut, lembaga tatatertib dan lembaga kenaikan pangkat telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan fungsi Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat.

Wakil Suruhanjaya Dalam Suruhanjaya Pasukan Polis

Selaras dengan Perkara 140(3)(d) Perlembagaan Persekutuan, seorang Ahli Suruhanjaya iaitu Dato' Norzam bin Mohd Nor telah dipilih mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Suruhanjaya Pasukan Polis bermula 12 Jun 2015 hingga kini.

Kuasa Suruhanjaya Ke Atas Perkhidmatan Awam

1. Negeri Melaka dan Pulau Pinang

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.

2. Negeri Sembilan

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959* Negeri Sembilan dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order 1961* Negeri Sembilan selaras dengan peruntukan Fasal (2) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- Pengelola Bijaya Diraja.
- Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar.
- Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar.
- Pegawai Kerani kepada Undang.
- Penghulu.

3. Negeri Perlis

Selaras dengan peruntukan Fasal (2) Perkara 139, Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 Negeri Perlis dan Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order 1960 Negeri Perlis* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis kecuali:

- Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu.
- Pegawai dalam Bahagian IV.
- Penghulu dan Penolong Penghulu.
- Pekerja bergaji hari.

Kuasa Suruhanjaya Yang Diwakilkan

Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakilkan kuasanya kepada kementerian/ jabatan/agensi dan pentadbiran negeri bagi melantik, mengesahkan

dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen. Setakat ini, perwakilan kuasa yang diberikan adalah seperti berikut:

- perwakilan kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara untuk melantik secara kontrak Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri dan Timbalan Menteri melalui P.U.(B) 16/1998.
- perwakilan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan untuk melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan di bawah bidang kuasa perkhidmatan awam Negeri Sembilan melalui P.U.(B) 74/1993.

Penarikan Balik Perwakilan Kuasa Di Bawah P.U.(B) 496/1997

Mulai 1 April 2014, SPA telah menarik semula kuasa yang diwakilkan kepada kementerian/ jabatan/ agensi sebagaimana dalam Suratcara Perwakilan Kuasa 1997 [P.U.(B) 496/1997]. Semua urusan pelantikan dan perkhidmatan bagi jawatan Gred 16 dan ke bawah dilaksanakan oleh SPA sepenuhnya. SPA bekerjasama dengan kementerian/jabatan/ agensi untuk mengendalikan tatacara pengambilan bermula daripada proses pengiklanan sehingga proses pengeluaran surat lantikan dengan pemantauan SPA. Walau bagaimanapun, kementerian/jabatan/ agensi perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya sebelum tawaran pelantikan kepada calon.







AHLI-AHLI SURUHANJAYA

AHLI-AHLI SURUHANJAYA





1. **Tan Sri Arpah binti Abdul Razak**
Pengerusi SPA
2. **Dato' Sri Zool Azha bin Yusof**
Timbalan Pengerusi SPA
3. **Dato' Sri Abd. Shukor bin Ibrahim**
Ahli SPA
4. **Dato' Norzam bin Mohd Nor**
Ahli SPA
5. **Dato' Selwyn Vijayarajan Das**
Ahli SPA
6. **Encik Ronnie anak Edward**
Ahli SPA
7. **Datuk Yeow Chin Kiong**
Ahli SPA
8. **Datuk Md Yahaya bin Basimin**
Ahli SPA
9. **Dato' Abdul Ghafar bin Musa**
Ahli SPA
10. **Dato' Haji Nasir bin Mat Dam**
Ahli SPA
11. **Datuk Dr. Narimah Nor binti Yahaya**
Ahli SPA
12. **Datuk Ir. Anjin Haji Ajik**
Ahli SPA





URUS SETIA SPA

URUS SETIA SPA

Sehingga 18.11.2017
Tuan Haji Abdullah bin Tahir
Timbalan Setiausaha
(Pengambilan)



<
Dato' Zainal Abidin bin Ahmad
Setiausaha



Bermula 19.11.2017
Puan Ruziah binti Hj Shafei
Timbalan Setiausaha
(Pengambilan)

>
Sehingga 15.7.2017
Puan Salmah binti Idris
Timbalan Setiausaha
(Perkhidmatan)



<
Bermula 16.7.2017
Encik Ikhbal Hanam bin Mukras
Timbalan Setiausaha
(Perkhidmatan)



^
Sehingga 11.8.2017
Encik Mohd. Shaiful bin Ibrahim
Setiausaha Bahagian
Pengambilan Khas

<
Bermula 12.8.2017
Puan Asfah binti Asmara
Setiausaha Bahagian
Pengambilan Khas



Encik Anuar bin Othman
Setiausaha Bahagian
Naik Pangkat &
Tatatertib



Encik Yaacob bin Haji Yusof
Setiausaha Bahagian
Pengurusan Maklumat



Encik Azaman bin Ahmad
Setiausaha Bahagian
Peperiksaan




Encik Mohd Safrie bin Zakaria
Setiausaha Bahagian
Perkhidmatan



Puan Haslina binti Ahmad
Setiausaha Bahagian
Pengambilan



Puan Syahrizad binti Mahpar
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Suruhanjaya
Perkhidmatan
Kehakiman
Perundangan



Sehingga 4.9.2017
Encik Mohamad Nazmi bin Ismail
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Mesyuarat



Bermula 5.9.2017
Encik Ahmad Mokhtar bin Shahul Hamid
Setiausaha
Bahagian Urus Setia
Mesyuarat

>
Sehingga 13.7.2017
Encik Nor Akmal bin Abdul Manap
Setiausaha Bahagian Pengurusan



>
Bermula 14.7.2017
Puan Safina binti Mohamad Hamizin
Setiausaha Bahagian Pengurusan



<
Sehingga 4.9.2017
Dr. Surinasirah binti Pakih
Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan




<
Bermula 23.10.2017
Puan Asrul Shuhada binti Mohd Salleh
Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan

>
Encik Matthew Anak Dominic Barin
Setiausaha Bahagian Urus Setia SPA Cawangan Sarawak



>
Puan Radziah binti Mohd Sharif
Pegawai Perhubungan Awam




^
Encik Farid H. Askali bin Ibrahim
Setiausaha Bahagian Urus Setia SPA Cawangan Sabah



<
Puan Salwa binti Mhd Asrar
Pegawai Undang-Undang

Pengenalan

Urus Setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dengan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Setiausaha, 12 orang Setiausaha Bahagian, seorang Penasihat Undang-Undang, seorang Pegawai Perhubungan Awam serta 483 orang pegawai pelbagai jawatan dan gred. Urus Setia Suruhanjaya terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, Urus Setia Cawangan SPA di Kota Kinabalu bagi Negeri Sabah dan di Kuching bagi Negeri Sarawak.



FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN

Bahagian Pengambilan

- Menguruskan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 29-40 (kelayakan Diploma/STPM dan ke atas) ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Bahagian Naik Pangkat & Tatatertib

- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.
- Menguruskan rayuan tatatertib.
- Menguruskan kenaikan pangkat bagi Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.
- Mengurus rayuan kenaikan pangkat.

Bahagian Pengambilan Khas

- Memproses dan mendaftarkan permohonan calon.
- Menguruskan pemilihan calon memasuki Latihan Separa Perubatan.
- Menguruskan pengambilan dan pelantikan secara tetap Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Bahagian Peperiksaan

- Menggubal dan menyediakan soalan peperiksaan dan psikometrik.
- Mengurus bank data soalan ujian aptitud dan psikometrik bagi peperiksaan memasuki perkhidmatan awam.
- Mengurus dan mengendalikan peperiksaan secara *online* bagi peperiksaan memasuki perkhidmatan awam.
- Mengurus dan menyelaras urusan pemeriksaan fizikal, pancaindera dan ujian kecergasan bagi memasuki perkhidmatan awam.
- Menyelaraskan dan memberi khidmat konsultasi bagi program Pusat Penilaian Kompetensi.

Bahagian Perkhidmatan

Menguruskan urusan-urusan perkhidmatan bagi:

- pengesahan pelantikan.
- penetapan gaji permulaan mengikut peraturan 25 dan 26 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- pelanjutan tempoh percubaan.
- pengesahan dalam perkhidmatan.
- pemberian taraf berpenyen.
- kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.

Bahagian Perkhidmatan

- penamatan perkhidmatan.
- pertukaran perkhidmatan.
- pertukaran pelantikan.
- pertukaran sementara/peminjaman.
- pelepasan untuk pertukaran pelantikan/peminjaman.
- pembatalan tawaran pelantikan.
- pertukaran tetap.
- pelanjutan pertukaran sementara peminjaman.

Bahagian Pengurusan Maklumat

- Membangun dan menyelenggara sistem aplikasi, portal dan multimedia.
- Mentadbir dan mengurus pangkalan data.
- Mentadbir dan mengurus rangkaian dan keselamatan ICT.
- Mentadbir dan mengurus perolehan ICT dan aset ICT.
- Menyediakan latihan dan khidmat pengguna/sokongan teknikal.

Bahagian Urus Setia Mesyuarat

Mengurusetiaikan:

- Mesyuarat Suruhanjaya.
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Tata tertib.
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat.
- Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Mengemaskini *ruling* SPA.

Urusetia Sabah

Urusetia ini sebagaimana tertakluk dalam Perlembagaan di bawah perkara 144 dan 144(1), merangkumi perkara seperti berikut:-

- Menguruskan urusan pengambilan Separa Perubatan bagi Negeri Sabah dan menyelaras urusan pengambilan bagi kekosongan jawatan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Sabah
- Menguruskan Urusan Perkhidmatan bagi anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Sabah
- Mengendalikan Urusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Kementerian/ Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP)

adalah Suruhanjaya Perkhidmatan yang melaksanakan fungsi sebagaimana termaktub di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpenyen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tata tertib ke atas pegawai-pegawai bagi perkhidmatan di bawah bidang kuasanya iaitu Pegawai Undang-undang.

Bahagian Pengurusan

- Mengurus kewangan dan perolehan jabatan.
- Mengurus hal ehwal perkhidmatan, pengurusan sumber manusia dan perhubungan awam jabatan.
- Mengurus aspek pentadbiran am, pengurusan aset dan stor, keselamatan, perpustakaan, penyelenggaraan dan keperluan logistik jabatan.

Bahagian Dasar dan Perancangan

- Merancang dan menyelaras pelaksanaan pelan strategik SPA.
- Menyelaras isu-isu dasar pengurusan sumber manusia dengan agensi lain yang melibatkan fungsi-fungsi SPA.
- Menjalankan kajian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang melibatkan fungsi-fungsi SPA.
- Menyelaras aturan urusan mesyuarat Parlimen di Dewan Negara dan Dewan Rakyat berkaitan fungsi SPA.
- Menyelaras penyediaan maklumat dan data Laporan Tahunan SPA.

Urusetia Sarawak

Urusetia ini sebagaimana tertakluk dalam Perlembagaan di bawah perkara 144 dan 144(1), merangkumi perkara seperti berikut:-

- Menguruskan urusan pengambilan Separa Perubatan bagi Negeri Sarawak dan menyelaras urusan pengambilan bagi kekosongan jawatan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Sarawak
- Menguruskan Urusan Perkhidmatan bagi anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Sarawak
- Mengendalikan Urusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Kementerian/ Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

PUSAT TEMU DUGA

SPA mempunyai 15 pusat temu duga untuk melancarkan urusan temu duga dan untuk memberi keselesaan calon. Pusat temu duga ini juga merupakan One Stop Centre yang berkeupayaan untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan seperti pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Pusat ini dilengkapi dengan infrastruktur moden, kemudahan dan peralatan bagi jawatan-jawatan yang mensyaratkan lulus ujian fizikal sebelum dipanggil temu duga. Bagi

memberi nilai tambah, pusat temu duga ini turut menjadi pusat rujukan bagi pelanggan dan orang awam mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh SPA. Antaranya, kemudahan permohonan jawatan secara online yang diberikan secara percuma. Pusat ini juga berperanan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan panduan yang tepat mengenai jawatan yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik melalui khidmat nasihat daripada pegawai bertugas. Panduan dan tatacara menghadiri temu duga anjuran SPA juga boleh didapati di pusat temu duga.



Pusat Temu Duga SPA Ipoh
Lot 29 & 31, Aras 2, UTC
Perak Jalan Dato' Onn Jaafar
30300 Ipoh, Perak
Tel : 05-2557405



Pusat Temu Duga SPA Alor Setar
Wisma Persekutuan Alor Setar Aras 8,
Jalan Kampung Baru 05000 Alor Setar
Kedah
Tel : 04-7304014



Pusat Temu Duga SPA Kuala Lumpur
Jalan Cenderasari
50480 Kuala Lumpur
Tel: 03-26933884



Pusat Temu Duga SPA Kuantan
Aras 5, Mahkota Square
Jalan Mahkota
25000 Kuantan,
Pahang
Tel : 09-5144804



Ibu Pejabat SPA Putrajaya
Aras 6 - 10, Blok C7,
Kompleks C Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan, 62520
Putrajaya
Tel : 03-8885 6000



Pusat Temu Duga SPA Johor Bahru
Lot 8C, Tingkat 8,
Menara Ansar, No. 65 Jalan Trus,
80000 Johor Bahru, Johor
Tel : 07-2211439



Pusat Temu Duga SPA Kota Bharu

Tingkat G, 182, lot 1211 Jalan Pengkalan Chepa 15400 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-7412360/62



Pusat Temu Duga SPA Kota Kinabalu

Aras 1, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah Jalan UMS/ Sulaman Likas 88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-488922



Pusat Temu Duga SPA Terengganu

Tingkat 1, Bangunan Perniagaan Paya Keladi, 20000, Kuala Terengganu
Tel : 09-6226797




Pusat Temu Duga SPA Miri

Tingkat 1 & 2, Lot 1406 (35) Centre Point Phase 2, Commercial Centre Jalan Kubu, 98000 Miri, Sarawak
Tel : 085-424862



Pusat Temu Duga SPA Kuching

Tingkat 3, Bangunan Stallion, Rock Commercial Centre, Batu 1 1/2, Jalan Rock 93200 Kuching, Sarawak
Tel : 082-428873



Pusat Temu Duga SPA Sandakan

Lot 41 Blok D, Bandar Maju Batu 1 1/2, Jalan Utara 90000 Sandakan, Sabah
Tel : 089-219734



Pusat Temu Duga SPA Tawau

Tingkat Bawah, Wisma Persekutuan Tawau Jalan Dunlop 91000 Tawau, Sabah
Tel : 089-776236



Pusat Temu Duga SPA Melaka

Aras 1, Menara Persekutuan, Jalan Persekutuan, Bandar MITC, Hang Tuah Jaya, 75450, Ayer Keroh, Melaka
Tel : 06-2345101



Pusat Temu Duga SPA Sibul

Tingkat Bawah & 1, No. 2 (Lot 9) Lorong Pedada 20A, Jalan Pedada 96000 Sibul, Sarawak
Tel : 084-342346





KAEDAH PENGAMBILAN

KAEDAH PENGAMBILAN SECARA *MyRECRUITMENT*

Pengambilan secara *MyRecruitment* merupakan transformasi kaedah pengambilan yang dilaksanakan oleh SPA untuk menambahbaik sistem penilaian bagi memilih calon terbaik memasuki perkhidmatan awam. Melalui pelaksanaan *MyRecruitment* ini, calon yang memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam akan melalui proses penilaian yang holistik dan komprehensif yang merangkumi tapisan awal, ujian aptitud, penilaian kompetensi dan temu duga sebelum dilantik.

Melalui penilaian yang dijalankan, maklumat calon akan diprofilkan berasaskan latar belakang, pencapaian akademik, ciri personaliti, minat kerjaya, sikap, kecerdasan (IQ) dan kompetensi (kemahiran) untuk dijadikan asas penilaian bagi menentukan calon-calon yang sesuai berkhidmat dalam perkhidmatan awam.


Selaras dengan hasrat untuk melaksanakan kaedah

pengambilan ini secara menyeluruh di Kementerian/ jabatan/agensi, satu Memorandum Jemaah Menteri telah dibentangkan pada 23 Disember 2009. Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan kaedah pengambilan yang dikenali sebagai *MyRecruitment*. Pelancaran *MyRecruitment* telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2010. Kaedah Pengambilan secara *MyRecruitment* adalah seperti di **Rajah 1**.

Proses Pelaksanaan *MyRecruitment*

Berdasarkan kepada kaedah pengambilan secara *MyRecruitment* ini, calon perlu melalui empat (4) proses saringan sebelum ditawarkan pelantikan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga seperti di Rajah 1. Proses saringan dalam *MyRecruitment* dibuat secara berstruktur seperti berikut:

RAJAH 1
KAEDAH PENGAMBILAN SECARA MYRECRUITMENT



i) Tapisan Awal

Calon yang mendaftar secara *online* dengan SPA akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon.

ii) Peperiksaan

Calon yang telah melepasi tapisan awal dikehendaki menduduki peperiksaan bagi menilai pengetahuan am, pengetahuan bidang yang dipohon, daya menyelesaikan masalah dan kemahiran bahasa. Selain peperiksaan ini, ujian sahsiah dan minat juga diadakan.

iii) Assessment Center (Penilaian Kompetensi)

Calon yang lulus peperiksaan akan mengikuti *assessment center* dalam Program *Assessment Center (PAC)*. PAC adalah satu kaedah untuk menilai kebolehan dan kompetensi calon menggunakan teknik penilaian yang piawai berasaskan pelbagai instrumen bagi mendapatkan input penilaian setiap kriteria yang telah ditetapkan.

Calon-calon akan dinilai dari aspek *Attitude, Skills and Knowledge (ASK)* bersesuaian dengan

keperluan tugas sesuatu jawatan seperti kemahiran *interpersonal*, kemahiran penyelesaian masalah, kepimpinan, kerja berpasukan, kebolehan menulis dan pengucapan awam dalam dwi bahasa serta lain-lain kompetensi yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon.

Modul penilaiannya meliputi aktiviti seperti *leaderless group discussion*, ujian psikometrik, ujian fizikal dan kecergasan, ujian penulisan dan ujian komunikasi dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain yang diperlukan.


iv) Temu Duga

Sesi ini bertujuan menilai kesesuaian dan perwatakan calon dengan keperluan sesuatu jawatan di agensi tertentu. Sesi ini akan menentu dan mengesahkan penilaian yang dibuat di peringkat *assessment center*.

PEPERIKSAAN ONLINE

Pengendalian peperiksaan di SPA dilaksanakan secara manual sehingga April 2014 yang mana calon-calon perlu hadir di pusat-pusat peperiksaan

RAJAH 2
SISTEM PEPERIKSAAN SECARA ONLINE DI SPA



yang diwujudkan di seluruh negara. Berasaskan kepada keperluan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan selaras dengan konsep 1Malaysia "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan". SPA memperkenalkan peperiksaan *online*. Kaedah pelaksanaan peperiksaan secara *online* ini menggunakan platform "*web based*" di mana calon-calon boleh mengambil peperiksaan di seluruh dunia atau di mana sahaja mereka berada asalkan mempunyai kemudahan *internet*.

Aplikasi sistem peperiksaan ini boleh dicapai dengan menggunakan peralatan komputer meja, *notebook*, tablet dan telefon pintar.

Objektif

Objektif peperiksaan *online* ini ialah untuk memberi kemudahan yang optimum kepada calon terutamanya dari segi penjimatan kos kewangan dan masa di mana calon tidak perlu hadir ke pusat-pusat peperiksaan yang terletak jauh di bandar-bandar besar. Selain daripada itu, keputusan peperiksaan dapat diumumkan lebih cepat melalui pemprosesan secara komputer sepenuhnya. Sistem peperiksaan

secara *online* ini juga menjimatkan kos pengendalian peperiksaan sehingga RM2 juta setahun berbanding kaedah konvensional yang dilaksanakan sebelum ini.

Jenis Ujian

Komponen penilaian yang digunakan dalam sistem peperiksaan secara *online* ini meliputi ujian aptitud seperti menilai sikap terhadap kenegaraan, pengetahuan am, kesedaran organisasi, pengetahuan bidang kerja dan kebolehan berfikir. Manakala ujian psikometrik pula dapat mengukur aspek personaliti, sikap, minat kerjaya, kompetensi dan lain-lain.

COMPETENCY-BASED INTERVIEW (CBI)

SPA melaksanakan temu duga berdasarkan kaedah *Competency-Based Interview (CBI)* bagi memilih calon-calon yang mempunyai "*right mind set*" untuk melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. CBI merupakan kaedah temu duga berasaskan tingkah laku, di mana berdasarkan kaedah ini, cara bagaimana seseorang berfikir dan bertindak bagi melaksanakan tugas yang berkaitan di masa lepas boleh dijadikan sebagai peramal yang baik tentang kemampuan yang boleh ditunjukkannya dalam situasi yang sama di masa hadapan.



URUSAN PELANTIKAN

PENGENALAN

Pelantikan anggota perkhidmatan awam merupakan salah satu daripada enam (6) fungsi Suruhanjaya. Ia merangkumi pelantikan tetap, sementara atau kontrak yang melibatkan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Suruhanjaya melaksanakan urusan pelantikan melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM). Di bawah sistem ini, calon-calon boleh mendaftarkan permohonan mereka pada bila-bila masa sepanjang tahun tanpa menunggu iklan perjawatan disiarkan. Calon-calon ini akan disenarai pendek mengikut syarat asas yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan. Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan berdasarkan permohonan pengisian jawatan yang diterima daripada kementerian/jabatan/agensi melalui sistem e-Pengisian.

Pada 22 April 2015, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan arahan berkaitan Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia Secara Optimum yang bertujuan bagi mengawal jumlah perjawatan dan pengisian sektor awam. Arahan ini telah memberi implikasi terhadap jumlah pelantikan oleh SPA.

Pada tahun 2017, jumlah permohonan yang diterima oleh SPA adalah sebanyak **1,342,949 permohonan**. Daripada jumlah tersebut, seramai 300,110 (22.35%) calon berjaya melepasi tapisan dan **dipanggil temu duga**. Daripada jumlah yang layak dipanggil temu duga, seramai **169,470** (56.47%) calon telah **menghadiri temu duga** dan daripada jumlah ini seramai **15,090** (8.90 %) calon telah **dilantik tetap**.

Seramai **19,370** calon telah dilantik secara **kontrak** yang mana urusan permohonan dan temu duga dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi masing-masing. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 1, Jadual 2, Carta 1** dan **Carta 2**. Jumlah pelantikan tetap mengikut skim perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya bagi tahun 2017 pula adalah seperti di **Lampiran A**.

JADUAL 1
PERMOHONAN JAWATAN MELALUI SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (eSMSM) BAGI TAHUN 2016-2017

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN
2017	1,342,949
2016	1,561,206

JADUAL 2
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON PELANTIKAN TETAP DAN KONTRAK BAGI TAHUN 2016-2017

TAHUN	STATUS LANTIKAN	JUMLAH PERMOHONAN	BILANGAN CALON DIPANGGIL TEMU DUGA	BILANGAN CALON HADIR TEMU DUGA	BILANGAN LANTIKAN
2017	Lantikan Tetap	1,342,949	300,110	169,470	15,090
	Lantikan Kontrak	-	-	-	19,370*
	Lantikan Kontrak UD41/UG41/UF41	-	-	-	8,415**
JUMLAH		1,342,949	300,110	169,470	42,875
2016	Lantikan Tetap	1,561,206	162,944	101,564	25,046
	Lantikan Kontrak	-	-	-	32,640 *
JUMLAH		1,561,206	162,944	101,564	57,686


Nota :

* Urusan permohonan dan temu duga bagi lantikan kontrak dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi masing-masing.

** Urusan pelantikan secara kontrak bagi Pegawai Perubatan UD41, Pegawai Pergigian UG41, Pegawai Farmasi UF41 mula dilaksanakan pada 15 Disember 2016.


CARTA 1

BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON DILANTIK TETAP BAGI TAHUN 2016-2017



CARTA 2

PERATUS PELANTIKAN TETAP DAN KONTRAK BAGI TAHUN 2017



Pelantikan Tetap

Sejumlah 149 urusan pengambilan (seperti di **Lampiran A**) telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pada tahun 2017. Urusan ini merangkumi pengambilan daripada pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di kementerian/jabatan/agensi serta pentadbiran negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

a) Pelantikan Tetap Mengikut Kategori

Jumlah pelantikan tetap ini juga telah mengambilkira pegawai yang dilantik tetap mulai 1 Julai 2016 selepas berkhidmat selama sekurang-kurangnya 15 tahun sebagai Pegawai *Contract of*

Service (COS) tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Ini selaras dengan keputusan Kerajaan menerusi surat KPPA bertarikh 31 Mac 2016 Pengambilan Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*) untuk tujuan Pelantikan Secara Tetap.

JADUAL 3

PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KATEGORI

STATUS LANTIKAN	2017
Baru	15,010
COS 15 tahun	80
JUMLAH	15,090

b) Pelantikan Tetap Mengikut Kumpulan Jawatan

Bilangan **pelantikan tetap** pada tahun 2017 ialah seramai **15,090** calon. Daripada jumlah tersebut, seramai **1,557** (10.32%) calon adalah bagi jawatan

Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 5,625 (37.28%) calon bagi **Kumpulan Pelaksana Gred 29-40** dan **7,908** (52.4%) calon bagi Kumpulan **Pelaksana Gred 19 dan ke bawah**. Maklumat bilangan pelantikan tetap adalah seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4
BILANGAN PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2016 - 2017

STATUS LANTIKAN	KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN PELANTIKAN 2017	BILANGAN PELANTIKAN 2016
Lantikan Tetap	Pengurusan dan Profesional	1,557	5,421
	Kumpulan Pelaksana Gred 29-40	5,625	8,062
	Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah	7,908	11,563
JUMLAH		15,090	25,046


Nota :

Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah

* Jumlah pelantikan separa perubatan telah dimasukkan dalam jumlah lantikan tetap.

CARTA 4

PERATUS PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2017



c) Pelantikan Tetap Mengikut Kaum

Pada tahun 2017, sebanyak **1,342,949** permohonan bagi lantikan tetap yang telah diterima, 1,072,795 (79.88%) permohonan adalah daripada kaum Melayu, 19,026 (1.42%) permohonan daripada kaum Cina, 41,556 (3.09%) permohonan daripada kaum India, 106,275 (7.91%) permohonan daripada Bumiputera Sabah, 74,335 (5.53%) permohonan daripada Bumiputera Sarawak, 3,616 (0.27%) permohonan daripada Orang Asli dan 25,346 (1.89%) permohonan daripada lain-lain kaum seperti Portugis, Siam

dan lain-lain. Daripada jumlah permohonan di atas, seramai 15,090 orang telah berjaya dilantik. Daripada jumlah tersebut, pelantikan 12,191 (80.66%) calon adalah daripada kaum Melayu, 203 (1.35%) calon daripada kaum Cina, 254 (1.68%) calon daripada kaum India, 1,269 (8.41%) calon daripada Bumiputera Sabah, 691 (4.58%) calon daripada Bumiputera Sarawak, 202 (1.34%) calon daripada Orang Asli Semenanjung dan 280 (1.86%) daripada lain-lain kaum. Maklumat permohonan dan pelantikan tetap mengikut kaum adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5

BILANGAN PERMOHONAN DAN PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	KAUM	2017		2016	
		PERMOHONAN	PELANTIKAN	PERMOHONAN	PELANTIKAN
1.	Melayu	1,072,795	12,191	1,242,821	19,347
2.	Cina	19,026	203	26,661	1,182
3.	India	41,556	254	50,369	958
4.	Bumiputera Sabah	106,275	1,269	120,822	1,634
5.	Bumiputera Sarawak	74,335	691	88,376	1,364
6.	Orang Asli	3,616	202	3,865	146
7.	Lain-Lain	25,346	280	28,292	415
JUMLAH		1,342,949	15,090	1,561,206	25,046

Nota : * Lain-lain kaum jumlah seperti Portugis, Siam dan lain-lain.

d) Pelantikan Calon Orang Kurang Upaya (OKU)

Kerajaan telah menetapkan dasar pengambilan satu peratus (1%) golongan OKU dalam perkhidmatan awam. Bagi calon OKU, Suruhanjaya telah memberikan keistimewaan iaitu tiada kriteria tambahan yang dikenakan ke atas mereka

sebelum dipanggil temu duga dan pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan. Sepanjang tahun 2017, Suruhanjaya telah melantik seramai **65 calon OKU** bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan calon OKU, ditemu duga dan dilantik adalah seperti di **Jadual 6**.

JADUAL 6

BILANGAN PERMOHONAN CALON OKU, DITEMU DUGA DAN DILANTIK BAGI TAHUN 2016-2017

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PERMOHONAN	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	PELANTIKAN
2017	Pengurusan dan Profesional	805	52	49	5
	Kumpulan Pelaksana Gred 29-40	1,275	90	72	5
	Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah	3,508	346	231	55
JUMLAH		5,588	488	352	65
2016	Pengurusan dan Profesional	729	70	67	4
	Kumpulan Pelaksana Gred 29-40	1,117	31	28	9
	Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah	4,593	211	83	27
JUMLAH		6,439	312	178	40

Berdasarkan jumlah tersebut, calon-calon OKU berdaftar yang dilantik ke Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana adalah terdiri daripada **50 calon ketidakupayaan fizikal, lapan (8) calon kurang keupayaan mental, seorang (1) calon kurang upaya pelbagai, seorang (1) calon kurang upaya pendengaran, seorang (1) calon kurang upaya**

penglihatan, tiga (3) kurang upaya pertuturan dan seorang (1) kurang upaya pembelajaran.

Maklumat keseluruhan pelantikan calon OKU berdasarkan kategori ketidakupayaan adalah seperti di **Jadual 7**.

JADUAL 7

BILANGAN PELANTIKAN BERDASARKAN KATEGORI KETIDAKUPAYAAN BAGI TAHUN 2016-2017

BIL	KETIDAKUPAYAAN	2017	2016
1.	Kurang Upaya Fizikal	50	31
2.	Kurang Upaya Mental	8	0
3.	Kurang Upaya Pelbagai	1	2
4.	Kurang Upaya Pendengaran	1	3
5.	Kurang Upaya Penglihatan	1	4
6.	Kurang Upaya Pertuturan	3	0
7.	Kurang Upaya Pembelajaran	1	0
JUMLAH		65	40

Pelantikan Kontrak

Selain pelantikan tetap, SPA juga turut melaksanakan pelantikan secara kontrak seramai 19,370 pegawai daripada pelbagai gred dan jawatan. Jumlah pelantikan kontrak mengikut

kumpulan jawatan adalah seperti di **Jadual 8** dan bilangan pelantikan kontrak mengikut kaum adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 8

BILANGAN PELANTIKAN KONTRAK BAGI TAHUN 2016-2017

STATUS LANTIKAN	KUMPULAN JAWATAN	2017	2016
Lantikan Kontrak	Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 29-40	4,209	13,097
	Kumpulan Pelaksana Gred 26 dan ke bawah	15,161	19,543
JUMLAH		19,370	32,640

JADUAL 9

BILANGAN PELANTIKAN KONTRAK MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	KAUM	2017	2016
1.	Melayu	16,281	23,092
2.	Cina	215	189
3.	India	139	152
4.	Bumiputera Sabah	630	4,260
5.	Bumiputera Sarawak	2,003	4,844
6.	* Lain-Lain	102	103
JUMLAH		19,370	32,640

Nota : * Lain-lain kaum seperti Portugis, Siam dan lain-lain.

a) Pelantikan Pertama dan Pelantikan Semula Secara Kontrak

Pada tahun 2017, daripada jumlah **pelantikan kontrak** seramai **19,370** orang, Suruhanjaya telah melantik seramai **1,779** orang untuk **lantikan**


pertama. Manakala seramai **17,591** orang pula telah **dilantik semula** secara kontrak.

Peratusan pelantikan pertama dan pelantikan semula secara kontrak Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 5**.

JADUAL 10
PELANTIKAN PERTAMA DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK

2017	
Pelantikan Pertama (Baru)	1,779
Pelantikan semula	17,591
Jumlah	19,370

CARTA 5
PERATUS PELANTIKAN PERTAMA DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA BAGI TAHUN 2017



b) Pelantikan Dan Pelantikan Semula Secara Kontrak Pegawai Perubatan Dan Pegawai Pergigian Bukan Warganegara

Bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian, Suruhanjaya juga telah melantik secara kontrak calon

bukan warganegara untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah melantik seramai 46 orang Pegawai Perubatan Bukan Warganegara secara kontrak seperti di **Jadual 11**.

JADUAL 11
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN BUKAN WARGANEGARA BAGI TAHUN 2016-2017

TAHUN	PEGAWAI PERUBATAN		PEGAWAI PERGIGIAN		JUMLAH
	PELANTIKAN	PELANTIKAN SEMULA	PELANTIKAN	PELANTIKAN SEMULA	
2017	16	30	0	0	46
2016	11	8	0	0	19

Pemilihan dan Pelantikan Separa Perubatan

a) Pemilihan Latihan Separa Perubatan

Pada tahun 2017, Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah menemu duga seramai **13,536** calon bagi mengikuti Latihan Separa Perubatan. Daripada jumlah tersebut,

seramai **2,826** calon telah dipilih untuk mengikuti 13 jenis latihan pada peringkat sijil dan diploma. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan, calon dipanggil temu duga, hadir temu duga dan bilangan calon mengikuti Latihan Separa Perubatan adalah seperti di **Jadual 12** dan **Jadual 13**.

JADUAL 12
URUSAN PEMILIHAN PELATIH SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2016-2017

TAHUN	TARAF LATIHAN	PERMOHONAN	DIPANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	TAWARAN PELATIH
2017	Diploma	724,213	16,737	12,780	2,526
	Sijil	361,430	3,799	756	300
JUMLAH		1,085,643	20,536	13,536	2,826
2016	Diploma	462,783	20,973	16,184	4,206
	Sijil	378,183	8,631	2,240	465
JUMLAH		840,966	29,604	18,424	4,671

JADUAL 13

PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2016-2017

BIL	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2017	2016
1.	Juru X-Ray Gred U29	50	100
2.	Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U29	60	100
3.	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U29	60	100
4.	Jururawat Gred U29	1,280	1,863
5.	Jururawat Pergigian Gred U29	56	90
6.	Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29	100	200
7.	Juruteknologi Pergigian Gred U29	40	60
8.	Penolong Pegawai Farmasi Gred U29	100	240
9.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	100	300
10.	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	680	1,153
JAWATAN BERTARAF SIJIL			
11.	Jururawat Masyarakat Gred U19	-	-
12.	Pembantu Kesihatan Awam Gred U17/19	100	129
13.	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17/19	200	336
JUMLAH		2,826	4,671

b) Pelantikan Ke Jawatan Separa Perubatan

Pada tahun 2017, seramai **3,613** calon yang telah tamat kursus dengan jayanya **dilantik** ke jawatan

Separa Perubatan. Butiran terperinci seperti di **Jadual 14**.

JADUAL 14

PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2017	2016
1.	Juru X-Ray Gred U29	55	66
2.	Jurupulih Perubatan Anggota Gred U29	67	26
3.	Jurupulih Perubatan Cara Kerja Gred U29	89	30
4.	Jururawat Gred U29	1,837	3,134
5.	Jururawat Pergigian Gred U29	134	183
6.	Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29	178	155
7.	Juruteknologi Pergigian Gred U29	53	270
8.	Penolong Pegawai Farmasi Gred U29	158	941
9.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	98	275
10.	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	758	115

JAWATAN BERTARAF SIJIL			
11.	Jururawat Masyarakat Gred U19	88	129
12.	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17/U19	-	185
13.	Pembantu Kesihatan Awam Gred U17/U19	98	184
JUMLAH		3,613	5,693

Pelantikan Pelajar Cemerlang

Dalam usaha Kerajaan mendapatkan pelajar-pelajar cemerlang untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya telah melantik **39** calon pemegang Ijazah **Sarjana Muda Kelas Pertama** dan calon yang memiliki **CGPA 3.85 ke atas**, **18** calon memiliki **Ijazah**

Sarjana (3.85-4.00), **tiga (3)** calon memiliki **Doktor Falsafah (PhD)** dan **30** calon **berkelulusan daripada universiti terkemuka dunia**. Maklumat lanjut bilangan pelantikan pelajar cemerlang pada tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 15**.

JADUAL 15
BILANGAN PELANTIKAN PELAJAR CEMERLANG BAGI TAHUN 2017

BIL.	KELAYAKAN	2017
1.	Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dan CGPA 3.85 ke atas	39
2.	Ijazah Sarjana (3.85-4.00)	18
3.	Ijazah Doktor Falsafah (PhD)	3
4.	Graduan universiti terkemuka dunia (<i>Ivy League University</i> dan setaraf)	30
JUMLAH		90

Pelantikan ke Jawatan Khas

Dalam melaksanakan Fungsi Suruhanjaya di bawah Fasal (3) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, SPA telah menguruskan pelantikan (termasuk pelantikan kontrak) bagi **24 jawatan-jawatan khas** pada tahun 2017 seperti berikut:

- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- Ketua Pengarah Kastam
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom
- Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia
- Duta Besar Malaysia ke Kenya
- Duta Besar Malaysia ke Finland
- Duta Besar Malaysia ke Itali
- Duta Besar Malaysia ke Switzerland
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia
- Duta Besar Malaysia ke Thailand
- Duta Besar Malaysia ke Brazil
- Duta Besar Malaysia ke Bosnia and Herzegovina
- Duta Besar Malaysia ke Austria

- Duta Besar Malaysia ke Republik Persekutuan Jerman
- Duta Besar Malaysia ke Jordan
- Duta Besar Malaysia ke Qatar
- Duta Besar Malaysia ke Morocco
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan
- Duta Besar Malaysia ke Senegal
- Duta Besar Malaysia ke Lubnan
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Nigeria

Pencapaian Pelaksanaan *MyRecruitment* sehingga 31 Disember 2017

SPA merancang di antara tahun 2010 hingga 2017 untuk melaksanakan urusan pengambilan berasaskan *Recruitment Profiling Model* kepada 109 skim perkhidmatan. Walau bagaimana pun, sehingga 31 Disember 2017, urusan pengambilan secara *profiling* ini hanya dilaksanakan bagi 71 skim perkhidmatan memandangkan terdapat implikasi kewangan. Senarai skim perkhidmatan yang terlibat seperti berikut di **Jadual 16**.

JADUAL 16

SENARAI SKIM JAWATAN YANG MELAKSANAKAN URUSAN PENGAMBILAN BERASASKAN *RECRUITMENT PROFILING MODEL* BAGI TAHUN 2010-2017

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	KEMENTERIAN/JABATAN
1.	Pegawai Anti Dadah	S41	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
2.	Leftenan Muda Maritim	T13	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
3.	Bintara Muda Maritim	T5	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
4.	Laskar Kelas II Maritim	T1	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
5.	Akauntan	WA41	Jabatan Akauntan Negara
6.	Penguasa Bomba	KB41	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
7.	Penolong Penguasa Bomba	KB29	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
8.	Pegawai Bomba	KB19	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
9.	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
10.	Penguasa Kastam	WK41	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
11.	Pegawai Pembangunan Masyarakat	S41	Jabatan Kebajikan Masyarakat
12.	Pegawai Kawalan Trafik Udara	A41	Jabatan Penerbangan Awam
13.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara	A29	Jabatan Penerbangan Awam
14.	Pegawai Penguat Kuasa	KP41	Jabatan Pengangkutan Jalan
15.	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	KP29	Jabatan Pengangkutan Jalan
16.	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
17.	Penguasa Penjara	KX41	Jabatan Penjara
18.	Penolong Penguasa Penjara	KX29	Jabatan Penjara
19.	Pegawai Penjara	KX19	Jabatan Penjara
20.	Perangkawan	E41	Jabatan Perangkaan
21.	Pegawai Keselamatan	KP41	Jabatan Perdana Menteri
22.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP29	Jabatan Perdana Menteri
23.	Pembantu Keselamatan	KP19	Jabatan Perdana Menteri
24.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41	Jabatan Perkhidmatan Awam
25.	Pegawai Pertahanan Awam	KP41	Jabatan Pertahanan Awam
26.	Penolong Pegawai Pertahanan Awam	KP29	Jabatan Pertahanan Awam
27.	Pegawai Belia dan Sukan	S41	Kementerian Belia dan Sukan
28.	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	S29	Kementerian Belia dan Sukan
29.	Latihan Jurupulih Perubatan Anggota	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
30.	Latihan Jurupulih Perubatan Cara kerja	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
31.	Latihan Jururawat	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
32.	Latihan Jururawat Pergigian	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
33.	Latihan Juruteknologi Makmal Perubatan	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
34.	Latihan Juruteknologi Pergigian	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
35.	Latihan Juru X-Ray	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
36.	Latihan Penolong Pegawai Farmasi	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
37.	Latihan Penolong Pegawai Persekitaran	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
38.	Latihan Penolong Pegawai Perubatan	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	KEMENTERIAN/JABATAN
39.	Pegawai Penerangan	S41	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
40.	Penerbit Rancangan	B41	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
41.	Penerbit Rancangan	B29	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
42.	Penerbit Rancangan	B19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
43.	Pegawai Kebudayaan	B41	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
44.	Pereka	B41	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
45.	Pereka	B29	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
46.	Pereka	B19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
47.	Ahli Fotografi	B29	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
48.	Ahli Fotografi	B19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
49.	Artis Budaya	B29	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
50.	Artis Budaya	B19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
51.	Pegawai Kebudayaan	B29	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
52.	Pegawai Kebudayaan	B19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
53.	Ahli Muzik	B41	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
54.	Ahli Muzik	B29	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
55.	Ahli Muzik	B19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
56.	Jurusolek	B19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
57.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	Jabatan Perkhidmatan Awam
58.	Pegawai Penerangan	S41	Kementerian Kesihatan Malaysia
59.	Pegawai Pembangunan Masyarakat	S41	Kementerian Kesihatan Malaysia
60.	Penguasa Imigresen	KP41	Jabatan Imigresen Malaysia
61.	Penolong Penguasa Imigresen	KP29	Jabatan Imigresen Malaysia
62.	Penerbit Rancangan	B41	Jabatan Penyiaran Malaysia
63.	Penolong Juruaudit	W29	Jabatan Audit Negara
64.	Penolong Akauntan	W29	Jabatan Akauntan Negara
65.	Jurubahasa	LA19	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
66.	Pembantu Pertahanan Awam	KP19	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
67.	Pembantu Kesatria	S19	Kementerian Belia dan Sukan
68.	Pengawal Keselamatan	KP11	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
69.	Pemandu Kenderaan	H11	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Taman Laut Malaysia ▪ Suruhanjaya Pilihan Raya ▪ Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ▪ Jabatan Perangkaan Malaysia ▪ Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ▪ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ▪ Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ▪ Jabatan Perdana Menteri ▪ Pelbagai Kementerian dan Jabatan
70.	Pegawai Imigresen	KP19	Jabatan Imigresen Malaysia
71.	Juruaudio Visual	N19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia

Urusan Peperiksaan, Pemeriksaan Fizikal dan Penilaian Kompetensi

Oleh kerana bilangan calon terlalu ramai yang memohon bagi mengisi kekosongan sesuatu jawatan, SPA telah menggunakan instrumen penilaian awal bagi menapis calon-calon untuk dipanggil ke peringkat temu duga.

Di antara instrumen yang digunakan adalah peperiksaan, penilaian psikometrik, pemeriksaan fizikal dan penilaian kompetensi.

Pada tahun 2017, sebanyak **12 urusan peperiksaan**, **17 urusan pemeriksaan fizikal dan pancaindra** serta **14 urusan penilaian kompetensi** telah dikendalikan. Butiran urusan adalah seperti **Jadual 17, 18 dan 19**.

JADUAL 17
STATISTIK URUSAN PEPERIKSAAN

BIL	JAWATAN	TARIKH	JUMLAH CALON		
			DIPANGGIL	HADIR	LULUS
1.	Latihan Separa Perubatan Bertaraf Diploma (Semenanjung)	7 Mac 2017	28,246	15,637	9,058
2.	Latihan Separa Perubatan Bertaraf Diploma (Sarawak)	7 Mac 2017	4,238	2,500	1,438
3.	Latihan Separa Perubatan Bertaraf Diploma (Sabah)	7 Mac 2017	5,973	3,798	1,911
4.	Penolong Pegawai Penerangan Gred S29	17 April 2017	3,532	2,635	1,155
5.	Pegawai Penerangan Gred S41	17 April 2017	5,894	4,568	1,599
6.	Latihan Separa Perubatan Bertaraf Diploma (Semenanjung)	7 Sept. 2017	10,685	4,930	3,484
7.	Latihan Separa Perubatan Bertaraf Diploma (Sarawak)	7 Sept. 2017	4,381	2,530	1,678
8.	Latihan Separa Perubatan Bertaraf Diploma (Sabah)	7 Sept. 2017	3,300	1,843	1,359
9.	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41	3 Okt. 2017	9,227	7,521	2,110
10.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29	3 Okt. 2017	5,315	4,680	1,555
11.	Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M41	3 Nov. 2017	86,186	61,738	9,704
12.	Akauntan Gred WA41	10 Nov. 2017	10,324	8,725	2,310
JUMLAH			177,301	121,105	37,361

JADUAL 18
STATISTIK URUSAN PEMERIKSAAN FIZIKAL, PANCAINDERA DAN UJIAN KECERGASAN

BIL	JAWATAN	TARIKH	JUMLAH CALON		
			DIPANGGIL	HADIR	LULUS
1.	Pengawal Keselamatan Gred KP11	13-17 Jan. 2017	10,056	2,255	934
2.	Pembantu Keselamatan Gred KP19	13-17 Jan. 2017	686	343	179
3.	Pegawai Pemelihara Hutan Gred G41	13 Feb. 2017	374	219	118
4.	Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29	27-29 Mac 2017	1,233	360	262
5.	Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41	27-29 Mac 2017	1,276	325	218
6.	Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29	27-29 Mac 2017	1,794	526	320

BIL	JAWATAN	TARIKH	JUMLAH CALON		
			DIPANGGIL	HADIR	LULUS
7.	Pegawai Keselamatan Gred KP41	27-29 Mac 2017	257	83	34
8.	Pembantu Pertahanan Awam Gred KP19	15-18 Mei 2017	5,195	943	454
9.	Penolong Pegawai Pertahanan Awam Gred KP29	15-18 Mei 2017	13,016	200	238
10.	Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41	15-18 Mei 2017	1,192	163	260
12.	Pengawal Keselamatan Gred KP11	08-10 Ogos 017	383	82	52
13.	Pegawai Imigresen Gred KP19	20-26 Ogos 2017	23,371	1,826	7,031
14.	Pegawai Penjara Gred KA19	11-18 Sept. 2017	34,428	4,271	9,395
15.	Pegawai Bomba Gred KB19	25 Sept. 2017 - 01 Okt. 2017	24,607	4,169	9,439
16.	Penolong Penguasa Bomba Gred KB29	28 Sept. 2017 - 04 Okt. 2017	2,968	579	778
17.	Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41	27-28 Nov 2017	771	128	211
JUMLAH			121,607	16,472	29,923

JADUAL 19
STATISTIK URUSAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (PAC)

BIL	JAWATAN	TARIKH	JUMLAH CALON		
			DIPANGGIL	HADIR	LULUS
1.	Kadet PTD M41	7-26 Jan 2017	9,246	5,177	2,602
2.	Jurusolek B19	25 Mac 2017	257	58	16
3.	Peg. Hal Ehwal Islam S41	25 Jan. 2017 – 26 Feb. 2017	1,048	754	452
4.	Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam S29	21 Jan. 2017 – 5 Feb. 2017	635	461	247
5.	Peg. Pembangunan Msykt S41	25 Apr. 2017 – 4 Mei 2017	2,474	1,802	1,274
6.	Peg. Penerangan S41	14 – 25 Mei 2017	1,699	1,369	700
7.	Pen. Peg. Penerangan S29	8 Jul. 2017 – 5 Ogos 2017	1,218	904	671
8.	Pen Peg. Belia & Sukan S29	23 - 25 Mei 2017	1,484	984	776
9.	Pemandu (JPN) H11	17 – 25 Jul. 2017	92	35	28
10.	Pemandu (MINDEF) H11	21 – 24 Ogos 2017	486	251	67
11.	Penerbit Rancangan B19 (3 Pemerolehan)	9-12 Okt. 2017 - 23 Nov. 2017	1,903	674	328
12.	Pegawai Kawalan Trafik Udara A41	13-17 Nov. 2017	2,110	1,550	473
13.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara A29	27-29 Nov. 2017	1,555	1,074	384
14.	Akauntan WA41	16-17 Dis. 2017	2,673	2,022	885
JUMLAH			26,880	17,115	8,903





URUSAN PERKHIDMATAN

PENGENALAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- pengesahan pelantikan.
- pengesahan dalam perkhidmatan.
- pelanjutan tempoh percubaan.
- pemberian taraf berpencen.
- kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.
- pembatalan tawaran pelantikan.
- penamatan perkhidmatan.
- pertukaran perkhidmatan.
- pertukaran pelantikan.
- pertukaran sementara.
- peminjaman.
- pertukaran tetap.
- penentuan gaji permulaan.

Jumlah keseluruhan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya pada tahun **2017** adalah sebanyak **51,498** urusan.

Pengesahan Pelantikan

Pengesahan pelantikan adalah satu proses untuk mengesahkan pelantikan calon yang menerima

sesuatu tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan.

Suruhanjaya telah mengesahkan pelantikan untuk **13,595** pegawai pada tahun **2017** iaitu seramai **3,092** pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan **10,503** pegawai Kumpulan Pelaksana. Maklumat pengesahan pelantikan adalah seperti di **Jadual 20**.

Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan mendapat perakuan sokongan Ketua Jabatan, layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 29(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan untuk **18,976** pegawai pada tahun **2017**. Seramai **7,090** pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan **11,886** pegawai Kumpulan Pelaksana telah disahkan dalam perkhidmatan pada tahun **2017** seperti di **Jadual 21**.

JADUAL 20

PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2016-2017

Perkhidmatan	2017			2016		
	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	3,091	10,464	13,555	4,968	12,504	17,472
Perkhidmatan Awam Negeri :						
i. Melaka	0	0	0	0	0	0
ii. Pulau Pinang	0	16	16	4	108	112
iii. Negeri Sembilan	1	4	5	5	39	44
iv. Perlis	0	19	19	1	8	9
Jumlah	1	39	40	10	155	165
Jumlah Keseluruhan	3,092	10,503	13,595	4,978	12,659	17,637

JADUAL 21
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2016-2017

Perkhidmatan	2017			2016		
	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	7,083	11,818	18,901	3,404	19,546	22,950
Perkhidmatan Awam Negeri :						
i. Melaka	0	0	0	0	0	0
ii. Pulau Pinang	1	40	41	3	82	85
iii. Negeri Sembilan	5	2	7	1	27	28
iv. Perlis	1	26	7	1	3	4
Jumlah	7	68	75	5	112	117
Jumlah Keseluruhan	7,090	11,886	18,976	3,409	19,658	23,067

Pelanjutan Tempoh Percubaan

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak lulus peperiksaan atau belum hadir Program Transformasi Minda yang ditetapkan atau tidak mendapat perakuan sokongan Ketua Jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaan sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 30(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Pada tahun **2017**, sebanyak **563** pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya telah diberi melanjutkan tempoh percubaan. Seramai **67** pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan seramai **496** pegawai Kumpulan Pelaksana telah dilanjutkan tempoh percubaan. Maklumat melanjutkan tempoh percubaan adalah seperti di **Jadual 22**.

JADUAL 22
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2016-2017

Perkhidmatan	2017			2016		
	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	67	491	558	47	323	370
Perkhidmatan Awam Negeri :						
i. Melaka	0	0	0	0	0	0
ii. Pulau Pinang	0	2	2	0	0	0
iii. Negeri Sembilan	0	0	0	0	0	0
iv. Perlis	0	3	3	0	1	1
Jumlah	0	5	5	0	1	1
Jumlah Keseluruhan	67	496	563	47	324	371

Pemberian Taraf Berpencen

Seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang tidak bersetuju memilih opsi skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut Peraturan 37 dan telah berkhidmat selama tidak kurang daripada tiga (3) tahun yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 38(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Pada tahun **2017**, Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada **18,364** pegawai dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Seramai **3,371** pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan **14,993** pegawai Kumpulan Pelaksana telah diberikan taraf berpencen seperti di **Jadual 23**.

Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu

Seseorang pegawai yang telah disahkan di dalam skim perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan dalam skim perkhidmatan yang lain, dengan syarat

kegagalan tersebut bukanlah disebabkan oleh tata kelakuannya yang tidak memuaskan. Selain itu, permohonan pegawai boleh dipertimbangkan untuk kembali dengan syarat pegawai telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu. Pertimbangan Suruhanjaya adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan telah diperolehi dan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik yang sama. Pada tahun **2017**, seramai **lapan (8) pegawai** telah dikembalikan ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.

Pematuhan Syarat-syarat Tawaran Pelantikan

Seseorang calon yang gagal mematuhi syarat-syarat pelantikan boleh dibatalkan tawaran pelantikan mengikut Peraturan 20(5), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 iaitu pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun dan surat aku janji. Pada tahun 2017, seramai 555 pegawai telah disemak semula status tawaran pelantikan yang melibatkan 553 pegawai yang mempunyai masalah kesihatan dan dua (2) pegawai yang tidak memenuhi syarat pelantikan di dalam Akuan Berkanun. **Tiga (3) pegawai** telah dibatalkan tawaran pelantikan kerana tidak diperakui sihat setelah dibuat pemeriksaan oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

JADUAL 23

PEMBERIAN TARAF BERPENECEN BAGI TAHUN 2016-2017

Perkhidmatan	2017			2016		
	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	3,365	14,827	18,192	8,783	10,489	19,272
Perkhidmatan Awam Negeri :						
i. Melaka	0	0	0	0	0	0
ii. Pulau Pinang	2	67	69	2	161	163
iii. Negeri Sembilan	3	73	76	3	96	99
iv. Perlis	1	26	27	1	4	5
Jumlah	6	166	172	6	261	267
Jumlah Keseluruhan	3,371	14,993	18,364	8,789	10,750	19,539

Notis Cadangan Penamatan Perkhidmatan

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan di bawah Peraturan 48(1), 49(1) dan 50(1) serta (2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 melainkan jika pegawai itu telah diberi peluang tidak kurang 14 hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan mengikut Peraturan 52, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Pada tahun **2017**, Suruhanjaya telah mengeluarkan **206 notis cadangan penamatan perkhidmatan** bagi memberi peluang kepada pegawai mengemukakan hujah pembelaan diri.

Penamatan Perkhidmatan

Pegawai yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah mematuhi syarat-syarat pelantikan iaitu tidak menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya, tidak membuat akuan palsu dalam Akuan Berkanun, mematuhi kehendak dalam Surat Aku Janji dan tidak meminda atau memalsukan apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelantikannya.

Pegawai yang masih dalam tempoh percubaan dan tidak mematuhi syarat-syarat tersebut boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan 48(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Bagi pegawai yang gagal tapisan keselamatan dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan 49(1) di bawah peraturan yang sama. Manakala pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan dalam tempoh percubaan sama ada tidak mendapat perakuan sokongan Ketua Jabatan, tidak lulus peperiksaan atau gagal dalam kursus/latihan yang disyaratkan untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan pula boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan 50(1) dan (2) di bawah peraturan yang sama. Bagi pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu tetapi gagal disahkan dalam skim perkhidmatan yang lain boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan 50(3) di bawah peraturan yang sama dan ianya hendaklah disifatkan sebagai penamatan demi kepentingan awam. Suruhanjaya telah menamatkan perkhidmatan **121 pegawai** pada tahun **2017**. Maklumat adalah seperti di **Jadual 24**.

JADUAL 24

KES PENAMATAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	Sebab Penamatan Perkhidmatan	2017			2016		
		Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah	Pengurusan & Profesional	Pelaksana	Jumlah
1	Sembunyi Maklumat Kesihatan	1	0	1	0	0	0
2	Membuat Akuan Palsu	0	5	5	0	4	4
3	Tidak Mematuhi Aku Janji	0	0	0	0	0	0
4	Memalsukan Dokumen Pelantikan	0	0	0	0	0	0
5	Gagal Tapisan Keselamatan	0	0	0	0	0	0
6	Tidak lulus peperiksaan	0	9	9	2	7	9
7	Tidak Mendapat Perakuan Ketua Jabatan (Prestasi/ Tatakelakuan)	52	54	106	27	38	65
8	Gagal Kursus/ Latihan	0	0	0	1	0	1
9	Telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu tetapi gagal disahkan dalam perkhidmatan sekarang	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		53	68	121	30	49	79

PERTUKARAN

Pertukaran yang diuruskan oleh Suruhanjaya melibatkan:

- pertukaran seseorang pegawai dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.
- pertukaran seseorang pegawai dari perkhidmatan awam dan badan berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain dan pegawai badan berkanun ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.
- pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain.

Pertukaran ini dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016 (berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016), Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012 melalui kaedah berikut:

- pertukaran perkhidmatan.
- pertukaran pelantikan.
- pelantikan secara pertukaran sementara.
- pelantikan secara peminjaman.
- pelantikan secara pertukaran tetap.

- pelepasan dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

Pertukaran Perkhidmatan

Pertukaran seseorang pegawai ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama dan berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama tetapi di bawah Ketua Perkhidmatan yang berlainan adalah dibenarkan dengan persetujuan Ketua Jabatan asal pegawai dan Ketua Jabatan agensi penerima. Alasan yang boleh dijadikan asas pertimbangan Suruhanjaya dalam meluluskan pertukaran perkhidmatan seseorang pegawai adalah seperti berikut:

- faktor perikemanusiaan seperti mengikuti suami atau isteri, menjaga ibu bapa atau ahli keluarga yang uzur atau sebab kesihatan.
- arahan Kerajaan yang memerlukan pegawai bertugas di agensi awam yang tidak membolehkan beliau ditempatkan secara pertukaran biasa.
- perkhidmatan, kemahiran, kepakaran atau pengalaman pegawai sangat diperlukan oleh agensi penerima.
- tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai sedia ada di agensi penerima jika pertukaran pelantikan melibatkan jawatan kenaikan pangkat.

Kelulusan pertukaran perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya adalah mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2005. Pada tahun **2017**, Suruhanjaya telah meluluskan **88 pertukaran perkhidmatan**. Maklumat pertukaran perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 25**.

JADUAL 25

PERTUKARAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	PERKHIDMATAN	2017	2016
	Dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan :		
1.	a. Pertukaran Perkhidmatan Atas Permohonan Pegawai	65	113
	b. Pertukaran Perkhidmatan Atas Arahan Kerajaan	0	0
2.	Dari Perkhidmatan Awam Negeri Di Bawah Bidang Kuasa Suruhanjaya Ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	23	16
JUMLAH		88	129

Pertukaran Pelantikan Atas Permohonan Sendiri

Pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kriteria-kriteria serta syarat-syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan. Urusan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016 (berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016). Pada tahun **2017**, Suruhanjaya telah meluluskan **39 pertukaran pelantikan**.

Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen

Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bermaksud perpindahan seseorang pegawai dari satu skim perkhidmatan yang sama atau berlainan berikutan pembubaran atau pemansuhan jawatan yang perlu dibuat melalui opsyen.

Pada tahun **2017**, Suruhanjaya telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen kepada **221 pegawai**. Bilangan pegawai yang terlibat dalam pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen adalah bergantung kepada penetapan atau perubahan dasar oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Pelantikan Secara Pertukaran Sementara

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai perkhidmatan awam Persekutuan ke perkhidmatan yang lain dalam angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan hakikinya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan

Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

Pada tahun **2017**, Suruhanjaya telah meluluskan **357 pelantikan secara pertukaran sementara** pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan bagi mengisi jawatan di kementerian/ jabatan/agensi dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Pelantikan Secara Peminjaman

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan mana-mana pegawai mengikut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan iaitu pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran ke perkhidmatan awam tiap-tiap negeri (selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis), Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau luar Malaysia. Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Suruhanjaya telah memproses **64 pelantikan secara peminjaman** pada tahun **2017**.

Pelantikan Secara Pertukaran Tetap

Pelantikan secara pertukaran tetap ialah pelantikan pegawai yang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam sekurang-kurangnya setahun, di mana dengan pelantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap. Pada tahun **2017**, Suruhanjaya telah meluluskan **13 pertukaran tetap** pegawai.

Maklumat mengenai pelantikan secara pertukaran sementara, peminjaman dan pertukaran tetap adalah seperti di **Jadual 26**.

JADUAL 26

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA, PEMENDEKAN PERTUKARAN SEMENTARA, PEMINJAMAN, PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	URUSAN	2017	2016
1.	Pelantikan Secara Pertukaran Sementara	357	386
2.	Pelantikan Secara Peminjaman	64	50
3.	Pelantikan Secara Pertukaran Tetap	13	12
JUMLAH		434	448

Pelepasan untuk Peminjaman Dan Pertukaran Pelantikan

Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya sebagai Pihak Berkuasa Melantik untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain seperti perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran atau perkhidmatan awam tiap-tiap negeri selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012.

Pelepasan untuk pertukaran pelantikan bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk ditukar lantik di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah lain yang ditetapkan. Pelepasan untuk pertukaran pelantikan dilaksanakan berdasarkan Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016 (berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016).

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah meluluskan **115 permohonan** di mana 113 adalah pelepasan untuk peminjaman dan 2 melibatkan pelepasan untuk pertukaran pelantikan. Maklumat pelepasan untuk peminjaman dan pelepasan pertukaran pelantikan adalah seperti di **Jadual 27**.

Penentuan Gaji Permulaan

Seseorang pegawai yang dilantik bagi kali pertama ke dalam perkhidmatan awam akan ditentukan gaji permulaan dalam jadual gaji skim perkhidmatan yang dilantik seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 25(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Bagi pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan berdasarkan Peraturan 25(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)

JADUAL 27

PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	URUSAN	2017	2016
1.	Pelepasan Untuk Peminjaman	113	91
2.	Pelepasan Untuk Pertukaran Pelantikan	2	11
JUMLAH		115	102

Pegawai yang telah disahkan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, penentuan gaji permulaan pegawai itu hendaklah pada suatu mata gaji yang lebih tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 25(7) dan (8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Mesyuarat Suruhanjaya kali ke-2522 pada 20 Disember 2010 telah menetapkan bahawa pegawai sedang berkhidmat di badan berkanun atau pihak berkuasa melantik yang lain kemudian dilantik ke jawatan yang sama, gaji permulaan ditetapkan mengikut gaji akhir di jawatan sebelumnya.

Bekas tentera yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam yang mempunyai pengalaman relevan atau tidak relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang disandang boleh dipertimbangkan Hadiah Pergerakan Gaji mengikut Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.

Pada tahun **2017**, Suruhanjaya telah meluluskan **765 urusan penentuan gaji permulaan** pegawai Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak **153** urusan di bawah Peraturan 25(2) iaitu berdasarkan pengalaman kontrak dan swasta manakala sebanyak **6** urusan mengikut Ruling yang diputuskan oleh Suruhanjaya berdasarkan gaji akhir pegawai yang sebelum ini berkhidmat di Badan Berkanun dan kemudian dilantik ke Perkhidmatan Awam Persekutuan. Bagi urusan penentuan gaji permulaan untuk pegawai sedang berkhidmat mengikut Peraturan 25(7) dan (8), Suruhanjaya telah meluluskan sebanyak **596** urusan serta sebanyak **10** urusan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011. Maklumat penentuan gaji permulaan adalah seperti di **Jadual 28**.

JADUAL 28
PENENTUAN GAJI PERMULAAN BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	URUSAN	2017	2016
1	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta dan awam mengikut Peraturan 25(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.	153	324
2	Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut Peraturan 25(7) dan 25(8), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.	596	795
3	Pegawai yang sebelum ini berkhidmat di Badan Berkanun dan kemudian dilantik ke Perkhidmatan Awam Persekutuan diperakukan penentuan gaji permulaan berdasarkan Ruling Suruhanjaya yang diputuskan dalam Mesyuarat Suruhanjaya kali ke-2522 pada 20.12.2010 atau pelantikan di bawah skim Perkhidmatan Bakat dan Seni mengikut Peraturan 26, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.	6	13
4	Bekas Tentera yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam yang mempunyai pengalaman yang relevan atau tidak relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang disandang mengikut 26 21 formula HPG yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.	10	21
JUMLAH		765	1,153

Naziran Urusan Perkhidmatan

Naziran urusan perkhidmatan adalah bertujuan memantau urusan perkhidmatan yang diperakukan melalui sistem ePengesahan (Pengesahan Pelantikan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen) oleh Kementerian/jabatan bagi pegawai lantikan SPA supaya ianya selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

Semakan ke atas fail-fail dibuat menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan. Laporan penemuan naziran yang dimaklumkan kepada Kementerian/jabatan adalah sebagai panduan kepada pihak berkenaan untuk memperbaiki serta mengatasi kelemahan sedia ada serta memastikan kesilapan yang sama tidak berulang pada masa akan datang.

Pasukan naziran turut memberi taklimat ringkas berkenaan tatacara mengendalikan urusan perkhidmatan, penggunaan sistem ePengesahan, serta menjawab kemusykilan yang dibangkitkan oleh Kementerian/jabatan.

- Pada tahun 2017, Unit Naziran, Bahagian Perkhidmatan telah melaksanakan naziran ke atas **35 buah Kementerian** dan **jabatan**. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan semasa naziran:
 - membuat teguran secara terus ke atas setiap penemuan kepada Pengurusan Sumber Manusia di Kementerian/jabatan terlibat.
 - memberi penjelasan mengenai urusan perkhidmatan yang dilaksanakan agar ianya selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
 - mengarahkan Pengurusan Sumber Manusia Kementerian/jabatan mengambil tindakan pembetulan segera berasaskan teguran yang dibuat.

Pasukan naziran juga telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak Kementerian/jabatan iaitu:

- mengadakan kursus perkhidmatan kepada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam menguruskan urusan perkhidmatan di peringkat Kementerian/jabatan.
- naziran dalaman Kementerian ke atas jabatan atau agensi di bawahnya.



KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

PENGENALAN

Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan, antara lain, fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia adalah untuk menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan. Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib meliputi urusan-urusan berikut:

- menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
- menguruskan rayuan tatatertib.
- menguruskan kenaikan pangkat bagi Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.
- menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

Kenaikan Pangkat

Suruhanjaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi jawatan-jawatan berikut:

- Ketua Setiausaha Negara.

- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
- Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.
- Ketua Pengarah Kesihatan.
- Ketua Pengarah Kerja Raya.

Sepanjang tahun 2017, Suruhanjaya telah melaksanakan **enam (6) urusan kenaikan pangkat** Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 29**.

Rayuan Kenaikan Pangkat

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi menimbang rayuan yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010, P.U.(A) 75/2010.

Sepanjang tahun 2017, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam telah menimbang sebanyak **71 urusan rayuan kenaikan pangkat** dan pemangkuan melibatkan **373 orang** pegawai seperti di **Jadual 30**.

JADUAL 29

URUSAN KENAIKAN PANGKAT AHLI LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	URUSAN	2017	2016
1.	Ketua Setiausaha Negara	-	-
2.	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Gred Utama Turus I	3	-
3.	Ketua Setiausaha Perbendaharaan	-	-
4.	Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, Gred Utama Turus II	1	-
5.	Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Gred Utama Turus III	-	1
6.	Ketua Pengarah Kerja Raya Kementerian Kerja Raya, Gred Utama Turus III	2	2
JUMLAH		6	3

JADUAL 30

URUSAN RAYUAN KENAIKAN PANGKAT/PEMANGKUAN BAGI TAHUN 2016 – 2017

BIL.	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN 2017					TAHUN 2016				
		BIL. URUSAN	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN			BIL. URUSAN	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		
				SAH	UBAH	REMIT			SAH	UBAH	REMIT
1.	Pengurusan dan Profesional	40	120	119	1	0	19	42	42	0	0
2.	Kumpulan Pelaksana	31	253	253	0	0	50	439	437	0	2
Jumlah Keseluruhan		71	373	373			69	481	481		

Kawalan Tatatertib

Berdasarkan peruntukan undang-undang, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi kes-kes seperti berikut:

- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dalam Perkhidmatan Awam bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Sepanjang tahun 2017, Suruhanjaya telah memutuskan **120 urusan tindakan tatatertib** seperti di **Jadual 31**.

a. Tahan Kerja

Perintah tahan kerja dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- disyaki melakukan suatu kesalahan jenayah atau melakukan suatu kesalahan tatatertib yang serius.
- prosiding jenayah telah dimulakan di mahkamah.

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah memutuskan **33 urusan Tahan Kerja** seperti di **Jadual 32**.

JADUAL 31

URUSAN TINDAKAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2016 – 2017

BIL.	JENIS KESALAHAN	2017	2016
1.	Tidak hadir bertugas (termasuk tidak dapat dikesan)	76	9
2.	Tatakelakuan	26	28
3.	Sabitkan Mahkamah	17	29
4.	Perintah Tahanan	1	0
JUMLAH		120	66

JADUAL 32
URUSAN TAHAN KERJA BAGI TAHUN 2016 - 2017

BIL.	JENIS KESALAHAN	2017	2016
1.	Penahanan Kerja Bagi Maksud Penyiasatan	10	4
2.	Penahanan Kerja	23	17
JUMLAH		33	21

b. Gantung Kerja

Perintah gantung kerja dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah.
- suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] telah dibuat terhadap pegawai.

Sepanjang tahun 2017, Suruhanjaya telah memutuskan **22 urusan Gantung Kerja** seperti di **Jadual 33**.

Rayuan Tatatertib

Sepanjang tahun 2017, Suruhanjaya telah memutuskan **539 urusan rayuan tatatertib** seperti di **Jadual 34**.

Sebanyak 11 urusan rayuan tatartertib telah diambil maklum oleh Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam memandangkan kes rayuan tatatertib tersebut dibuat di luar tempoh masa yang ditetapkan dan tidak mematuhi prosedur rayuan mengikut Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993].

JADUAL 33
URUSAN GANTUNG KERJA BAGI TAHUN 2016-2017

BIL.	JENIS KESALAHAN	2017	2016
1.	Sabitkan mahkamah	22	6
2.	Perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya	0	0
JUMLAH		22	6

JADUAL 34
KEPUTUSAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2016 - 2017

BIL	PERKARA	TAHUN	
		2017	2016
1.	Menghantar Balik Kes Kepada Lembaga Tatatertib Untuk Ditimbang Semula	23	4
2.	Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib	451	484
3.	Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib Tetapi Mengubah Hukuman	29	22
4.	Mengakaskan Keputusan Dan Hukuman Lembaga Tatatertib Dan Membebaskan Perayu	36	36
JUMLAH		539	546



PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN ICT

PENGENALAN

Pada tahun 2017 telah memperlihatkan SPA meneruskan kesinambungan pelaksanaan dan pembangunan ICT pada tahun 2017 ke arah mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan SPA. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 selari dengan perancangan yang disasarkan dalam Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020. Aktiviti pembangunan sistem baharu diteruskan bagi memastikan keperluan pengguna seiring dengan perkembangan teknologi ICT semasa. Selain itu, kerjasama strategik antara Agensi Kerajaan diperluaskan dengan tujuan pengukuhan maklumat di peringkat SPA di samping membantu Agensi Kerajaan lain dalam memenuhi keperluan maklumat agensi. Kejayaan pelaksanaan dan pembangunan ICT di SPA boleh dibuktikan melalui pengiktirafan dan anugerah berkaitan ICT yang diterima oleh SPA pada tahun 2017. Semua pengiktirafan dan anugerah ialah hasil kerjasama seluruh warga SPA bagi menjayakan pelaksanaan ICT di SPA.

Pembangunan Sistem Baharu

Tahun 2017 menyaksikan SPA telah meneruskan komitmen dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna melalui pembangunan tiga (3) sistem baharu dan menaik taraf dua (2) sistem sedia ada.

a. Sistem MyPAC

Sistem MyPAC merupakan sebuah sistem yang dibangunkan khusus untuk memudahkan penilaian semasa aktiviti Program Assesment Center (PAC). Sistem MyPAC menyediakan kemudahan kepada panel penilai untuk membuat pengisian markah bagi urusan ujian PAC (Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan, esei, perbincangan kumpulan dan pengucapan awam).

Sistem MyPAC dilaksanakan secara online sepenuhnya dan telah mula beroperasi pada bulan Januari untuk pengambilan jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang melibatkan seramai 6,331 orang calon. Sepanjang

tahun 2017, sebanyak 14 urusan PAC telah menggunakan MyPAC sepenuhnya yang melibatkan seramai 14,829 orang calon.



b. Sistem Psikometrik

Salah satu kaedah ujian yang dilaksanakan sebelum seseorang penjawat awam dilantik adalah melalui ujian psikometrik. Setelah beberapa tahun dilaksanakan, SPA telah menaik taraf kaedah ujian psikometrik melalui pengenalan Sistem Psikometrik pada tahun 2017. Sistem ini dibangunkan hasil daripada kerjasama strategik SPA dan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam membangunkan kaedah pengukuran yang sesuai untuk digunakan dalam pelantikan penjawat awam.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak lima (5) urusan yang menggunakan sistem psikometrik telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 10,948 orang calon.



c. Aplikasi Mobile Setuju Terima Lantikan

Aplikasi mobile Setuju Terima Lantikan merupakan satu modul dalam aplikasi mobile MyService yang disediakan SPA. Modul ini bertindak sebagai alternatif kepada Sistem Setuju Terima Lantikan. Dengan penggunaan aplikasi mobile ini, calon yang telah menerima surat tawaran boleh mengesahkan penerimaan pelantikan melalui aplikasi ini dengan pantas.



Menaik Taraf Sistem

a. Peningkatan Keselamatan Sistem eKS dan eRuling

Sistem e-Kertas Suruhanjaya ataupun eKS ialah sistem yang digunakan untuk memaparkan kertas-kertas pertimbangan suruhanjaya sebagai persediaan sebelum Mesyuarat Suruhanjaya SPA manakala Sistem eRuling pula bertindak sebagai pusat rujukan ruling yang telah dilaksanakan SPA.

Bagi memastikan keselamatan maklumat dalam sistem eKS dan eRuling, SPA telah menaik taraf versi perisian bahasa pengaturcaraan yang digunakan iaitu PHP dan perisian pangkalan data MySQL kepada versi terkini. Peningkatan versi ini berdasarkan penemuan melalui pelaksanaan MyGSOC.

b. Kerjasama Strategik Antara Agensi

Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan sistem di SPA, kerjasama strategik antara agensi barisan hadapan telah dilaksanakan. Kerjasama strategik ini melibatkan perkongsian data, perkongsian pintar dan integrasi sistem antara agensi dalam sektor awam. Selain itu, sistem-sistem di SPA juga telah digunakan oleh agensi pengambilan penjawat awam di peringkat negeri melalui kaedah perkongsian pintar. Pada tahun 2017, SPA telah meneruskan lagi tradisi perkongsian pintar dengan agensi dalam sektor awam seperti berikut:

Bil.	Agensi	Sistem
1.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Sabah	eTapis
2.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Sarawak	eTapis
3.	Jabatan Perkhidmatan Awam	eStatus, eRuling dan eCirculation
4.	Lembaga Hasil Dalam Negeri	Exam Online dan eTapis



Ucapan aluan daripada Setiausaha SPA pada Majlis Perkongsian Pintar Sistem eCirculation dan eRuling SPA



Upacara simbolik penyerahan dokumen sistem kepada Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Perkhidmatan JPA, Tuan Haji Mohamad Azhan bin Md. Amir



Setiasusaha SPA, Dato' Zainal Abidin Ahmad dan Pengarah Jabatan Pengurusan Insan LHDNM Noraini Mustafa menandatangani dokumen Kerjasama Strategik Sistem Peperiksaan Online dan e-Tapis yang turut disaksikan Tan Sri Arpah dan Ketua Pegawai



Dokumen Kerjasama Strategik Sistem Peperiksaan Online dan



Bergambar kenangan.

PENGUKUHAN KESELAMATAN MAKLUMAT

Seiring dengan peralihan kepada dunia digital, SPA juga telah mengorak langkah dengan menggunakan ICT sebagai tunjang dalam penyampaian perkhidmatan.

Kebergantungan kepada teknologi ICT atau maklumat ini mendedahkan SPA kepada ancaman-ancaman ataupun bahaya yang datang daripada dunia siber. Pengukuhan keselamatan maklumat adalah salah satu kaedah proaktif bagi memastikan setiap ancaman dan risiko dikenalpasti dan tindakan penguraian dan langkah pencegahan awal diambil. Bahagian PM selaku pemudahcara kepada penggunaan dan pelaksanaan ICT di SPA telah mengambil beberapa langkah bagi pengukuhan keselamatan maklumat sepanjang tahun 2017. Antaranya ialah:

a. Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Versi 3.1

DKICT SPA diwujudkan untuk menjamin kesinambungan urusan SPA dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT. Dasar ini juga bertujuan untuk memudahkan perkongsian maklumat sesuai dengan keperluan operasi SPA. Ini hanya boleh dicapai dengan memastikan semua aset ICT dilindungi. Semua pegawai dan pihak ketiga yang berurusan di SPA hendaklah membaca dan memahami DKICT SPA dan menurunkan tandatangan dalam Surat Pengakuan Kefahaman DKICT SPA.

Pada tahun 2017, DKICT SPA telah dikemaskini dan diluluskan oleh Mesyuarat JPICT SPA Bil.1 Tahun 2017 pada 26 April 2017. DKICT SPA Versi 3.1 dikemaskini berdasarkan cadangan dan penemuan semasa Security Posture Assessment yang dijalankan oleh pihak CyberSecurity Malaysia. Tindakan penambahbaikan DKICT SPA adalah bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan keselamatan maklumat di SPA adalah selaras dengan standard. DKICT SPA yang baharu boleh dicapai melalui intranet SPA seperti berikut : http://intranet.spa.gov.my/intranet/intraspa/images/pdf/DKICT_SPA_V3.1.pdf

b. Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS)

Pensijilan ISMS adalah salah satu langkah yang diperkenalkan Kerajaan bagi memastikan keselamatan infrastruktur ICT Sektor Awam terutama yang melibatkan penyampaian perkhidmatan terjamin. SPA mula melaksanakan ISMS pada tahun 2011 berdasarkan standard

MS ISO/IEC 27001:2007. Dengan pengenalan standard ISMS yang baharu pada tahun 2015, SPA telah mengambil langkah melaksanakan ISMS menggunakan standard baharu.

Urusan proses pelantikan dan perkhidmatan pegawai awam yang melibatkan pengoperasian dan penyelenggaraan maklumat bagi Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM), Sistem Pemantauan Urusan Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat dan Tatatertib (eSPDM) dan Portal Rasmi SPA meliputi perkara seperti berikut:

- pangkalan data.
- *backup* dan *restore*.
- *preventive maintenance*.
- *corrective maintenance*.
- pemasangan *patches*.
- pengurusan akaun pengguna.
- pengurusan *change request*.
- pengemaskinian kandungan portal.
- pengemaskinian semakan dalam talian.

SPA telah memperolehi pensijilan semula ISMS berdasarkan standard baharu MS ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2015. Sijil ini telah berkuatkuasa mulai 6 Oktober 2015 hingga 29 November 2018. Pihak *Cyber Security Malaysia* akan menjalankan sesi audit pemantauan tahun pertama (2016) dan audit pemantauan tahun kedua (2017) bagi melihat pelaksanaan dan pematuhan kepada standard ISMS di SPA.

Antara aktiviti yang terlibat dalam pelaksanaan ISMS di SPA sepanjang tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 35**.

JADUAL 35
AKTIVITI PELAKSANAAN ISMS

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Pelaksanaan <i>High Level Risk Assessment (HiLRA)</i>	26 April
2.	Analisis Risiko berdasarkan metodologi <i>Malaysian Risk Assessment Methodology (MYRAM)</i>	Mac - Jun
3.	Bengkel ISMS Bil.1/2017 - Semakan dokumen ISMS	14 Mac

Bil.	Aktiviti	Tarikh
4.	Audit Dalam ISMS	11 - 13 Julai
5.	Audit Pemantauan Tahun Pertama oleh <i>Cyber Security Malaysia</i>	8 - 9 Ogos
6.	Bengkel ISMS Bil.2/2017 - Semakan Dokumen ISMS	21 - 23 November

Nota:

* Semua ketakakuran dan peluang penambahbaikan yang dicadangkan oleh Pasukan Audit Dalam serta *Cyber Security Malaysia* telah diambil tindakan oleh Pasukan Pelaksana ISMS SPA. SPA telah diperakukan untuk meneruskan pengiktirafan pensijilan ISMS. Sesi audit pemantauan oleh *Cyber Security*.



Sijil Pengiktirafan Pelaksanaan Standard
MS ISO/IEC 27001:2013

Program Kesedaran Dan Pembudayaan ICT

Ke arah memantapkan pengetahuan ICT kepada warga SPA, SPA sentiasa memastikan program-program kesedaran dan pembudayaan ICT dilaksanakan secara tahunan. Antara program yang dianjurkan adalah Sambutan Bulan ICT SPA yang telah diadakan pada bulan Mei 2017. Objektif penganjuran bulan ICT:

- membantu mengoptimalkan kompetensi ICT individu dengan menyediakan beberapa sesi pembelajaran/latihan/kursus bagi menambahkan kefahaman di samping meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja di kalangan warga SPA.

- kemahiran serta pengetahuan pegawai mengenai kepentingan dan keselamatan maklumat di tempat kerja.
- memastikan pegawai bersedia dan berkemampuan melaksanakan perubahan budaya kerja berteraskan ICT secara menyeluruh bagi menjamin kecemerlangan mutu perkhidmatan awam.
- berkongsi pengetahuan semua aplikasi sistem yang dibangunkan secara *inhouse* dengan warga SPA.

Sepanjang bulan Mei 2017, pelbagai aktiviti berkaitan ICT dianjurkan sebagai pengisian Bulan ICT SPA seperti di **Jadual 36**.

JADUAL 36
AKTIVITI ICT TAHUN 2017

Bil	Aktiviti	Tarikh
1.	Hebahan Informasi ICT	Setiap Hari Sepanjang Bulan Mei
2.	Lawatan ke Pusat Kawalan Trafik Udara KLIA2	17 Mei
3.	Forum ICT dan Pelancaran Pelan Strategik ICT SPA 2016- 2020	22 Mei
4.	Tayangan Video	23 Mei

Antara program yang telah dijalankan pada bulan ICT SPA adalah Forum ICT yang bertajuk *MyRecruitment: Cabaran dan Way Forward*. Ahli panel bagi forum ini adalah daripada bahagian Pengurusan Maklumat iaitu Puan Wan Shafarina binti Shamsudin, Cik Farina binti Khalid dan Dr Ahmad Shahrizal bin Muhamad berserta seorang wakil daripada bahagian Peperiksaan iaitu Tuan Haji Noor Azli bin Abdul Hamid. Forum yang telah dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi SPA, YBhg. Dato' Sri Zolal Azha bin Yusof telah disertai oleh wakil-wakil daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang dijemput khusus bagi menghadiri forum tersebut. Tujuan utama forum ini diadakan adalah bagi memberi penerangan dan pendedahan kepada SPA Negeri tentang kewujudan sistem MyRecruitment dan fungsi-fungsi sistem yang boleh dimanfaatkan oleh SPA Negeri bagi tujuan

pengambilan penjawat awam peringkat negeri.

Hasil daripada forum ini telah diterjemahkan dengan perkongsian sistem eTapis antara SPA dan SPA Negeri Sabah dan Sarawak.



Ucapan perasmian oleh Timbalan Pengerusi SPA



Timbalan Pengerusi SPA bergambar kenangan bersama wakil SPA Negeri



Ucapan perasmian Bulan ICT oleh Pengerusi SPA



Upacara simbolik pelancaran Buku Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020

Ganjaran Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT)

Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT) telah ditubuhkan pada tahun 2014 melalui pelaksanaan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2014 yang telah dikeluarkan oleh pihak MAMPU pada 2 September 2014. KWAICT telah ditubuhkan bertujuan untuk menggalakkan pembangunan projek ICT menggunakan kepakaran dalaman dan memberikan ganjaran kepada pasukan projek yang berjaya menjimatkan kos Kerajaan, meningkatkan kepakaran dalaman dan menggalakkan lebih banyak penghasilan produk ICT tempatan.

Mengambil peluang ini, SPA telah menghantar permohonan ganjaran di bawah KWAICT bagi projek MyGIM iaitu Sistem Pemarkahan Temu Duga dalam Talian. Kaedah pembangunan MyGIM secara dalaman telah menyaksikan jumlah penjimatan yang signifikan oleh Kerajaan dengan jumlah RM211,380.77 berbanding sekiranya pembangunan dilaksanakan oleh pihak pembekal dengan kos yang

dianggarkan mencecah sehingga RM542,686.00. Seramai 21 orang pegawai terlibat dalam pasukan projek MyGIM yang terdiri daripada pegawai daripada bahagian Pengurusan Maklumat dan Peperiksaan.

Pada 17 Julai 2017, permohonan SPA telah diperakukan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (JKWAICT) dengan nilai ganjaran sebanyak RM9,213.60. Sijil penghargaan kepada SPA selaku penerima ganjaran KWAICT telah diserahkan oleh Ketua Pengarah MAMPU, YBhg. Dato' Dr Mazlan bin Yusoff kepada Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Ahmad pada 5 Oktober 2017 sempena program *Public Sector CIO Convex 2017 (PSCC 2017)*.

Statistik Urusan Pengemaskinian Maklumat Online

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 1,070 urusan pengemaskinian maklumat *online* yang dipaparkan di Portal SPA. Pecahan adalah seperti di **Jadual 37**.

JADUAL 37
URUSAN SEMAKAN ONLINE

Bulan	Bilangan Pemerolehan	Jadual Peperiksaan	Keputusan Peperiksaan	Jadual Temu Duga	Keputusan Temu Duga	Jumlah
Januari	50	4	3	14	29	100
Februari	46	6	0	35	5	92
Mac	71	7	6	27	31	142
April	54	6	7	12	29	108
Mei	32	3	1	2	26	64
Jun	22	1	5	6	10	44
Julai	33	3	0	21	9	66
Ogos	50	3	0	27	20	100
September	74	10	3	42	19	148
Oktober	52	5	4	11	32	104
November	31	3	5	2	21	62
Disember	20	1	2	8	9	40
JUMLAH	535	52	36	207	240	1,070





MESYUARAT SURUHANJAYA

MESYUARAT SURUHANJAYA

Suruhanjaya telah bersidang sebanyak **40 kali dalam Mesyuarat Suruhanjaya** sepanjang tahun 2017. Sejumlah 2,267 kertas pertimbangan Suruhanjaya telah dipertimbangkan sepanjang tahun ini melalui mesyuarat secara fizikal yang diadakan pada hari Isnin dan secara edaran harian yang dilaksanakan melalui sistem e-Circulation SPA. Berdasarkan pencapaian sistem *e-Circulation SPA* pada tahun 2017, sebanyak 157 urusan mesyuarat secara maya telah berjaya dilaksanakan.

Sepanjang tahun 2017 juga, sebanyak **40 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam** telah diadakan melibatkan **550 kertas rayuan tatatertib** telah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya.

Selain itu, Suruhanjaya juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang (Kumpulan D) (Pembuangan Kerja Dan Penurunan Pangkat) telah bersidang sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2017 dan telah menimbang sebanyak tiga (3) kertas rayuan tatatertib. Selaku Pihak Berkuasa Melantik yang memiliki bidang kuasa menimbang rayuan kenaikan pangkat, sebanyak **39 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam** telah berjaya dilaksanakan dan 71 kertas rayuan kenaikan pangkat telah dipertimbangkan.

Mesyuarat Khas Suruhanjaya pula telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 15 Mac 2017 di Melaka dan pada 27 September 2017 di Alor Setar, Kedah. Sebanyak lapan (8) kertas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Suruhanjaya tersebut.





BAJET

PERUNTUKAN TANGGUNGAN

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM10,000,000.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak **RM6,213,700 untuk emolumen, RM3,510,600.00 untuk perkhidmatan dan bekalan** dan **RM275,700.00 untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap**. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan akaun awam adalah sebanyak RM6,007,630.28 atau 60.08% daripada nilai peruntukan yang telah diluluskan. Peruntukan Tanggungan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 6**.


Peruntukan Bekalan

Di bawah maksud Bekalan (B05), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan sebanyak RM40,320,000.00.



Daripada jumlah itu, sebanyak RM22,400,000.00 untuk emolumen, dan RM17,920,000.00 perkhidmatan dan bekalan. Peruntukan untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan aset tidak diluluskan.

Walau bagaimanapun, sehingga tarikh penutupan akaun awam 2017, peruntukan yang diluluskan telah dipinda kepada RM36,320,000.00 disebabkan sekatan oleh Kementerian Kewangan dengan nilai sebanyak RM4,000,000.00. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM22,400,000.00 untuk emolumen, dan RM13,742,280.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, RM166,920.00 untuk aset dan RM10,800.00 untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap**.


Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan akaun awam adalah sebanyak RM36,320,000.00 atau 93.79% daripada nilai peruntukan yang telah dipinda. Peruntukan bekalan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 7**.



CARTA 6
PERUNTUKAN TANGGUNGAN TAHUNAN 2017



CARTA 7
PERUNTUKAN BEKALAN TAHUNAN 2017





AKTIVITI SURUHANJAYA

JANUARI 2017

9.1.2017

Tan Sri Arpah mempengerusikan Mesyuarat Suruhanjaya Bil 1/2017 di Putrajaya



9.1.2017

Ahli Mesyuarat Suruhanjaya Bil 1/2017



11.1.2017

Tan Sri Arpah bergambar kenangan bersama Timbalan Pengarah Kanan INTAN semasa lawatan ke Program Assesment Centre (PAC) PTD 2017 di INTAN Bukit Kiara



11.1.2017

Tan Sri Arpah turut bertemu calon yang hadir untuk menjalani Program Assesment Centre (PAC)



11.1.2017

Salah satu aktiviti ujian kecergasan "curl up" yang diadakan semasa aktiviti PAC

FEBRUARI 2017

28.2.2017

Perhimpunan bulanan



MAC 2017

5.3.2017

Tan Sri Arpah menyampaikan ucapan Majlis APC SPA 2016 bertemakan Sekalung Budi yang diadakan di Dewan Seri Melati, Perbadanan Putrajaya



5.3.2017

Tan Sri Arpah bergambar kenangan bersama-sama Ahli yang diraikan



5.3.2017

Penerima APC 2016 bergambar kenangan bersama Pengerusi SPA



8.3.2017

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Peringkat Kompleks C



8.3.2017

Tan Sri Arpah bersalaman dengan salah seorang peserta yang menyertai kayuhan berbasikal dan disaksikan oleh Dato' Sri Zainal Rahim Seman

14.3.2017

Perasmian Pusat Temuduga Melaka



14.3.2017

Tan Sri Arpah bergambar kenangan bersama-sama Ahli Suruhanjaya selepas Perasmian Pusat Temuduga SPA di Melaka.



MAC 2017

15.3.2017

Tan Sri Arpah bergambar bersama Ketua Pengarah JPJ, Dato' Sri Nadzri Siron (dua dari kanan) di Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan di Ayer Molek, Melaka



15.3.2017

Mesyuarat Khas Suruhanjaya Bil 1/2017 di Akademi JPJ, Melaka



15.3.2017

Bergambar kenangan bersama pegawai kanan SPA di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia



16.3.2017

YB Datuk Joseph Entulu menyampaikan surat tawaran lantikan kepada anak negeri Melaka pada Karnival Kerjaya di SPA yang diadakan di Melaka International Trade Centre (MITC)



16.3.2017

Sebahagian orang ramai yang hadir sedang mengisi permohonan jawatan secara online pada karnival kerjaya berkenaan

22.3.2017

Delegasi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu



22.3.2017

Tan Sri Arpah menyampaikan penerangan kepada delegasi Lawatan Kerja Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu ke SPA di Putrajaya



22.3.2017

Bergambar kenangan bersama Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu



MEI 2017

5.5.2017

Tan Sri Arpah mengadakan perbincangan bersama pegawai kanan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia



5.5.2017

Ketua Setiausaha KKM, Dato' Seri Dr.Chan Chew Min(kiri) bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia



5.5.2017

Pegawai kanan SPA yang turut hadir



19.5.2017

Bergambar kenangan bersama Ketua Menteri Sarawak

19.5.2017

Ketua Menteri Sarawak telah menerima kunjungan hormat daripada YB Datuk Joseph Entulu Anak Belau, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Tan Sri Arpah Abdul Razak selepas dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak yang baru.

22.5.2017

Tan Sri Arpah Abd Razak merasmikan Bulan ICT SPA 2017 dan Pelancaran Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020. Majlis turut dihadiri Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad.

22.5.2017

Timbalan Pengerusi SPA, Dato' Sri Zual Azha (empat dari kanan) selepas merasmikan forum ICT sempena bulan ICT SPA 2017 di Putrajaya.



MEI 2017

24.5.2017

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Penjara Penor, Kuantan Pahang, semalam. Delegasi SPA telah diketuai oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, YBhg. Tan Sri Arpah Abdul Razak.



24.5.2017

Tan Sri Arpah menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Penjara Negeri Pahang Dato' Ab.Basir Mohamad, selepas sesi taklimat.



25.5.2017

Tan Sri Arpah Abdul Razak menyampaikan surat tawaran lantikan di Program Karnival Kerjaya dan Outreach SPA 2017 di Kuantan Pahang.



25.5.2017

Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam turut berada di Program Karnival Kerjaya dan Outreach SPA 2017.



25.5.2017

Tan Sri Arpah Abd Razak melawat tapak pameran PDRM di program karnival kerjaya.

JULAI 2017

19.7.2017

Datuk Ir.Anjin Haji Ajik ketika mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Hakim Mahkamah Persekutuan YA Tan Sri Hassan Lah



19.7.2017

Hakim Mahkamah Persekutuan YA Tan Sri Hassan Lah menandatangani surat sumpah Jawatan dan Taat Setia Datuk Ir.Anjin Haji Ajik



SEPTEMBER 2017

13.9.2017

Setiausaha SPA, Dato Zainal Abidin Ahmad dan Pengarah Jabatan Pengurusan Insan LHDNM, Noraini Mustafa menandatangani dokumen Kerjasama Strategik Sistem Peperiksaan Online dan e-Tapis.



13.9.2017

Dokumen Kerjasama Strategik Sistem Peperiksaan Online dan e-Tapis antara SPA dan LHDNM



13.9.2017

Bergambar kenangan



27.9.2017

(Lawatan Kerja SPA Ke Pusat Latihan RELA Wilayah Utara)

Tan Sri Arpah (kiri) ketika mempengerusikan Mesyuarat Suruhanjaya di Pusat Latihan Rela Wilayah Utara di Sungai Petani, Kedah.



27.9.2017

Tan Sri Arpah menanam dan menyiram pokok Longan tanda simbolik lawatan ke Pusat Latihan RELA Wilayah Utara, Sungai Petani Kedah.



27.9.2017

Bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Suruhanjaya, pegawai-pegawai kanan SPA dan RELA selepas sesi taklimat.

27.9.2017

Tan Sri Arpah (kanan) bersama ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)



27.9.2017

Tan Sri Arpah mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dengan Kementerian, Jabatan dan Pentadbiran Negeri Di Bawah Bidang Kuasa SPA Tahun 2017



27.9.2017

Timbalan Pengerusi SPA, Dato' Sri Zool Azha (kiri) dan pegawai-pegawai kanan SPA serta sebahagian wakil-wakil Kementerian dan Jabatan menghadiri mesyuarat



SEPTEMBER 2017

27.9.2017

(Karnival Kerjaya SPA Di Alor Setar)

YB Datuk Joseph Entulu menyampaikan surat pengesahan lantikan kepada penjawat awam yang bertugas di negeri Kedah. Turut disaksikan Pengerusi SPA, Tan Sri Arpah



27.9.2017

Datuk Joseph Entulu dan Tan Sri Arpah melawat booth SPP pada Karnival Kerjaya SPA



27.9.2017

Turut kelihatan Ahli Suruhanjaya dan sebahagian orang ramai yang hadir ke Karnival Kerjaya SPA di Alor Setar, Kedah.



OKTOBER 2017

11.10.2017

(Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA Tawau)

SUB Sabah, En Farid H. Askali bin Ibrahim menyampaikan cenderahati kepada YBhg. Tan Sri Arpah sambil diperhatikan oleh Dato' Zainal Abidin bin Ahmad, Setiausaha SPA selepas merasmikan Pusat Temuduga SPA Tawau, Sabah



11.10.2017

Bergambar beramai-ramai bersama tetamu jempuan sejurus selepas menandatangani Plak Perasmian Pusat Temuduga Tawau.



NOVEMBER 2017

2.11.2017

(Lawatan Kerja Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Ke SPA Malaysia)

Dato' Hajah Sepiah Isa menandatangani buku pelawat sempena lawatan kerja ke SPA Malaysia



2.11.2017

Lawatan kerja SPA Negeri Kedah ke SPA Malaysia



2.11.2017

Bergambar kenangan bersama Tan Sri Arpah Abdul Razak



20.11.2017
(Hari Inovasi dan Integriti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Tahun 2017)

Setiausaha SPA, Dato' Zainal Abidin mengetuai lafaz Ikrar Bebas Rasuah pada Majlis Hari Inovasi & Integriti SPA 2017 di Dewan Temuduga SPA, Aras 6, Putrajaya

20.11.2017

Sebahagian warga SPA melafazkan Ikrar Bebas Rasuah



20.11.2017

Tan Sri Arpah bersama-sama warga SPA melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

20.11.2017

Dato' Zainal Abidin menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang turut disaksikan Tan Sri Arpah, Dato' Sri Zual Azha (kanan) dan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Dato' Abdul Samad Kasih







JALINAN WARGA SPA

Pelbagai Kejayaan dan Pencapaian SPA sepanjang tahun 2017

10.1.2017



Ketua Rumah Sukan Red9, Puan Salmah menerima Piala Pusingan setelah pasukan itu muncul juara dalam Karnival Sukan SPA 2016. Piala disampaikan oleh Tan Sri Arpah pada majlis perhimpunan bulanan.



Tan Sri Arpah menyampaikan amanat kepada warga SPA di majlis Perhimpunan Bulanan yang pertama tahun 2017.



Tan Sri Arpah bersama-sama warga SPA menyertai aktiviti *Brisk Walk* anjuran Bahagian Pengambilan Khas

Karnival SPA 2017

25.4.2017



Tan Sri Arpah menyampaikan nama pasukan "Barracuda" kepada Dato' Zainal Abidin Ahmad yang akan mengetuai kumpulan itu sempena Karnival SPA 2017



Sebahagian warga SPA yang hadir pada majlis perhimpunan bulanan SPA.



Majlis perhimpunan bulanan SPA 2017 yang turut dihadiri oleh Tan Sri Arpah Abdul Razak. Pada majlis berkenaan Tan Sri Arpah turut merasmikan Karnival SPA 2017 bertujuan menggalakkan warga SPA aktif dalam program-program riadah di samping menjalankan tugas seharian.



Tan Sri Arpah bergambar bersama-sama Ketua Pasukan Sempena Karnival SPA 2017

Majlis Sambutan Aidilfitri SPA Tahun 2017

17.7.2017



Majlis Sambutan Aidilfitri SPA 2017



Tan Sri Arpah Abd Razak bergambar kenangan bersama Timbalan Pengerusi SPA, Setiausaha SPA dan Ahli-ahli Suruhanjaya SPA.



Majlis Sambutan Aidilfitri SPA 2017

Pertandingan KIK Peringkat SPA 2017

18.8.2017



Tan Sri Arpah hadir ke pertandingan KIK 2017 peringkat SPA



Juara KIK 2017, Bahagian Pengurusan Maklumat



Tempat kedua KIK 2017, Bahagian Pengambilan Khas



Tempat ketiga KIK 2017, Kumpulan Kenyalang daripada SPA Sarawak



Tempat keempat KIK 2017 daripada Bahagian Peperiksaan

Majlis Pelancaran Hari Sukan Negara 2017 Peringkat SPA

30.10.2017



Tan Sri Arpah menyampaikan sijil penghargaan kepada Nur Izwani kerana mewakili Negara dalam temasya Sukan SEA ke-29 Kuala Lumpur



Tan Sri Arpah menyampaikan sijil penghargaan kepada Mohd Zamrin Kassim kerana menyertai Sukan Para ASEAN Ke-9 Kuala Lumpur 2017



Majlis Pelancaran Hari Sukan Negara 2017 Peringkat SPA



Tan Sri Arpah menyampaikan sijil penghargaan kepada Mohd Fauzi Hamat kerana menyertai Sukan Para ASEAN Ke-9 Kuala Lumpur 2017



Tan Sri Arpah (tengah) bersama-sama warga SPA menunjukkan isyarat bagus pada Majlis Pelancaran Hari Sukan Negara Peringkat SPA.

Majlis Ringkas Persaraan Timbalan Setiausaha (Pengambilan)

17.11.2017



Majlis ringkas sempena pesaraan Timbalan Setiausaha (Pengambilan) Tuan Haji Abdullah Tahir (dua dari kanan)



Dato' Zainal Abidin menyampaikan cenderamata kepada Tuan Haji Abdullah Tahir



Dato' Zainal Abidin menyampaikan cenderamata kepada Encik Mohd. Shaiful Ibrahim yang bertukar ke JPA





DELEGASI LUAR NEGARA

DELEGASI LUAR NEGARA



China

13 September 2017



Tan Sri Arpah menyampaikan taklimat SPA kepada delegasi daripada Guangxi Administrative Institute of China di Putrajaya



Delegasi Guanxi Administrative Institute of China ketika mendengar taklimat mengenai SPA oleh Tan Sri Arpah Abdul Razak



Bergambar kenangan



Indonesia
5 Disember 2017




Tan Sri Arpah menyampaikan taklimat kepada delegasi Suruhanjaya Perkhidmatan Indonesia



Delegasi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Indonesia diketuai oleh Dr. Ilham Dirmy



Sesi bergambar kenangan




Bangladesh
19 Disember 2017



Delegasi daripada Bangladesh telah membuat lawatan ke SPA yang diketuai oleh Mr.Md Nizam Uddin (Additional Secretary).Taklimat disampaikan oleh En Noor Dasrafeeza bin Abdul Shukur.



Bergambar kenangan bersama delegasi daripada Bangladesh.



Bangladesh
24 Disember 2017



Delegasi daripada Bangladesh Civil Service Administration telah membuat lawatan ke SPA.Lawatan diketuai oleh Dr.M.Asalam Alam.



Bergambar kenangan bersama delegasi Bangladesh Civil Service Administration.



SPA VOLUNTEER (SPAVOL)



SPA VOLUNTEER (SPAVOL)

“Merapatkan Kerajaan dan Rakyat : Menyentuh Hati Nurani Masyarakat”

SPA VOLUNTEER (SPAVOL)

SPA VOLUNTEER (SPAVOL) telah dilancarkan dengan rasminya oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) merangkap Penaung SPAVOL, YBhg. Tan Sri Arpah binti Abdul Razak pada 17 Mei 2017 di Balik Pulau, Pulau Pinang.

SPAVOL merupakan gabungan sukarelawan warga SPA dan ahli bersekutu yang terdiri daripada orang awam termasuk mahasiswa untuk menjalankan kerja-

kerja kebajikan dan kesukarelawan dalam membantu masyarakat yang memerlukan.

SPAVOL bergerak sebagai sebuah NGO yang tidak menerima peruntukan daripada Bajet Tahunan SPA.

Semenjak penubuhannya, SPAVOL telah melaksanakan pelbagai program kebajikan dan kesukarelawan. Maklumat berkenaan program tersebut boleh diikuti di facebook rasmi SPAVOL di www.facebook.com/spavol.

OBJEKTIF PENUBUHAN SPAVOL

-  *Memupuk semangat kesukarelaan di kalangan warga SPA dan rakyat Malaysia;*
-  *Menjalinkan hubungan yang baik di antara warga SPA dan rakyat;*
-  *Menyebarkan luas maklumat yang tepat dan betul berkaitan dasar Kerajaan khususnya SPA kepada orang awam;*
-  *Membantu merapatkan ruang di antara Kerajaan dan rakyat;*
-  *Melaksanakan kerja kebajikan dan kesukarelaan dari semasa ke semasa.*

FOKUS AKTIVITI-AKTIVITI SPAVOL

- Education based volunteering*
- Skills based volunteering*
- Environmental volunteering*
- Emergency volunteering*
- Virtual volunteering*
- Volunteering in depressed areas (kawasan mundur)*
- Transnasional volunteering (gotong royong)*
- Corporate volunteering*

PROGRAM JELAJAH KASIH SPAVOL

- Program ini dilaksanakan melalui kerjasama JKKK Kampung, penduduk kampung, agensi Kerajaan dan sukarelawan SPAVOL yang menjalankan kerja gotong royong seperti mengecat surau

dan dewan, mengindahkan kampung, ceramah motivasi kepada anak-anak kampung, kenduri rakyat dan lain-lain.

- Program ini telah dilaksanakan di Kg. Orang Asli Pos Bersih, Perak; Kg. Paka, Ranau, Sabah dan Kg. Grebar, Setiu, Terengganu.
- Penglibatan seramai lebih 3,000 orang sukarelawan, pegawai agensi Kerajaan dan

Terengganu



Perak



Sabah



PROGRAM JELAJAH PERDANA INFAQ PENDIDIKAN SPAVOL

- Sukarelawan SPAVOL menjelajah ke seluruh negara menghantar bantuan barangan persekolah berupa uniform sekolah, bag, kasut, peralatan persekolahan, alat tulis dan lain-lain kepada murid-murid daripada keluarga asnaf, fakir dan miskin.
- Program ini telah dilaksanakan di seluruh Negara (Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.
- Lebih 3,000 murid-murid telah mendapat manfaat.
- Lebih 25 buah sekolah terlibat dan dikembangkan lagi ke sekolah-sekolah di pendalaman.

Terengganu

SK GUAR NANGKA & SK IPGM KANGAR PERLIS



Infraq Pendidikan SPAVOL

KEDAH

SEK. KEB. TANDOP BESAR, KUALA NERANG



Infraq Pendidikan SPAVOL

PAHANG

SEK. KEB. DURIAN HIAU, JERANTUT & SEK. KEB. KUALA KAUNG, LANCHANG



Infraq Pendidikan SPAVOL

TERENGGANU

SM SAINS DUNGUN & SEK. KEB. LKTP JERANGAU, AJIL



Pulau Pinang

SMK TELUK KUMBAR & SK BAYAN LEPAS 2



Infraq Pendidikan SPAVOL

PERAK

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU 4, GERIK, PERAK



Infraq Pendidikan SPAVOL

KELANTAN

SEK. MEN. KEB. SERING & SEK. MEN. KEB. KEMUMIN



Infraq Pendidikan SPAVOL

SARAWAK

SEK. KEB. SAINT MICHAEL PLASSU, ROBAN & SEK. KEB. ABANG LEMAN, KABONG



KUALA LUMPUR

PUSAT PERTUTURAN KIU, PERSATUAN KEBANGSAAN PEKAK MALAYSIA



Infraq Pendidikan SPAVOL

NEGERI SEMBILAN

SK DATO' KLANA PUTRA, LENGGENG, NEGERI SEMBILAN



Infraq Pendidikan SPAVOL

SABAH

SEK. KEB. IMBAK & SEK. KEB. INARAD



KONVOI 4X4 SPAVOL KE SK IMBAK & SK INARAD



PROGRAM INFAQ TAHFIZ SPAVOL & BANTUAN ANAK YATIM SPAVOL

- SPAVOL menyampaikan sumbangan berupa bahan makanan harian dan peralatan seperti kipas, mesin basuh, penyaman udara, pakaian dan

lain-lain kepada Maahad Tahfiz dan rumah anak yatim yang kekurangan dana.

- Lebih 10 buah Maahad Tahfiz dan rumah anak yatim telah mendapat manfaat.



PROGRAM BANTUAN ANAK YATIM SPAVOL :
RUMAH AMAL ASNAF AL-BARAKH



PROGRAM INFAQ RAMADHAN SPAVOL

- Program ini merupakan aktiviti penyerahan sumbangan barang makanan keperluan harian kepada asnaf, fakir dan miskin
- Program ini telah dilaksanakan di Putrajaya, Pahang, Kelantan dan Selangor.
- Hampir 500 fakir miskin telah menerima manfaat.

Penyediaan Sumbangan



Perumahan TNB, Pekan,
PAHANG



Perumahan DARA, Pekan,
PAHANG



Kg. Tanjung
Paloh Hinai,
Pekan,
PAHANG



PUTRAJAYA



Kota Bharu,
KELANTAN



Rantau Panjang,
KELANTAN



Kg. Baru Salong,
Pekan,
PAHANG



Kuala Selangor



Pasir Mas
KELANTAN



Kg. Mambang, Pekan,
PAHANG



Chini, Pekan,
PAHANG



MISI BANTUAN BANJIR SPAVOL

- Misi ini dilaksanakan melalui konvoi 4x4 ke Kelantan menghantar bantuan barangan keperluan kepada mangsa banjir.
- Lebih 500 keluarga mangsa banjir telah mendapat manfaat.
- Barangan sumbangan SPAVOL bernilai RM40 ribu berjaya diagihkan.

Kelantan



PROGRAM ZIARAH INSAN SPAVOL

- Sukarelawan SPAVOL menziarahi rumah-rumah keluarga asnaf, fakir dan miskin bertanya khabar serta menyampaikan sumbangan.
- Telah dilaksanakan di Pahang, Kelantan, Putrajaya, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah.

PUTRAJAYA

Mangsa Rumah Terbakar di Presint 16



KG. SEPAKU, PEKAN, PAHANG

PAHANG



KG. MAMBANG, PEKAN, PAHANG

PAHANG



KG. SEPAKU, PEKAN, PAHANG

PAHANG



KG. MAMBANG, PEKAN, PAHANG

PAHANG



KELANTAN



LORONG LONG YUNUS, KOTA BHARU

KELANTAN



KG. PAYA BEMBAN

KELANTAN





LAMPIRAN A

BIL.	SKIM	JUMLAH
JAWATAN IJAZAH		
1	AKAUNTAN GRED WA41	1
2	ARKITEK GRED J41	33
3	JURUBAHASA SERENTAK GRED N41	2
4	JURUTERA (AWAM) GRED J41	53
5	JURUTERA (ELEKTRIK) GRED J41	24
6	JURUTERA (ELEKTRONIK) GRED J41	2
7	JURUTERA (MEKANIKAL) GRED J41	32
8	JURUUKUR BAHAN GRED J41	18
9	JURUUKUR BANGUNAN GRED J41	2
10	JURUUKUR GRED J41	20
11	LEFTENAN MUDA MARITIM GRED T13	60
12	PEGAWAI ANTIDADAH GRED S41	6
13	PEGAWAI ARKIB GRED S41	4
14	PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S41	26
15	PEGAWAI DIETETIK GRED U41	1
16	PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41	49
17	PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR GRED C41	8
18	PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A41	10
19	PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41	3
20	PEGAWAI LATIHAN GRED E44	3
21	PEGAWAI LATIHAN GRED E48	2
22	PEGAWAI LATIHAN GRED E52	1
23	PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV41	2
24	PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S41	30
25	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41 (PERTUTURAN)	16
26	PEGAWAI PENERANGAN GRED S41	16
27	PEGAWAI PENERANGAN GRED S44	2
28	PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP41	30
29	PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41	29
30	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41	39
31	PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S41	15
32	PEGAWAI PERIKANAN GRED G41	12
33	PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP41	21
34	PEGAWAI PERTANIAN GRED G41	52
35	PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41	16
36	PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41 (KLINIKAL)	12
37	PEGAWAI SAINS GRED C41	35
38	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41	377
39	PEGAWAI TADBIR GRED N41	44

BIL.	SKIM	JUMLAH
40	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41	17
41	PEGAWAI VETERINAR GRED GV41	46
42	PEMELIHARA HUTAN GRED G41	6
43	PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA GRED J41	61
44	PENGAJAR (JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN) GRED U41	4
45	PENGAJAR (PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN) GRED U41	26
46	PENGUASA BOMBA GRED KB41	66
47	PENGUASA KASTAM GRED WK41	219
48	PERANGKAWAN GRED E41	4
JUMLAH LANTIKAN JAWATAN IJAZAH		1,557
JAWATAN DIPLOMA		
49	BINTARA MUDA MARITIM GRED T5	23
50	JURUFOTOGRAFI (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)	14
51	JURUPULIH PERUBATAN GRED U29 (CARA KERJA)	89
52	JURUPULIH PERUBATAN GRED U29 (FISIOTERAPI)	67
53	JURUSOLEK (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)	2
54	JURUTERAPI PERGIGIAN GRED U29	134
55	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG29	5
56	PENGHULU GRED NP29	7
57	PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29	5
58	PENOLONG JURUAUDIT GRED W29	6
59	PENOLONG JURUTERA GRED JA29	759
60	PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA29	136
61	PENOLONG KURATOR GRED S29	2
62	PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH GRED S29	25
63	PENOLONG PEGAWAI ARKIB GRED S29	3
64	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S29	31
65	PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29	31
66	PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G29	5
67	PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR GRED C29	15
68	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP29	13
69	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN GRED E29	25
70	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29	5
71	PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S29	365
72	PENOLONG PEGAWAI PENDAFTARAN GRED KP29	25
73	PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN GRED S29	5
74	PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP29	14
75	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA GRED JA29	53
76	PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN GRED E29	4
77	PENOLONG PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S29	45

BIL.	SKIM	JUMLAH
78	PENOLONG PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP29	61
79	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29	56
80	PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C29	9
81	PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29	8
82	PENOLONG PEGAWAI SIASATAN GRED P29	11
83	PENOLONG PEGAWAI SYARIAH GRED LS29	1
84	PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29	246
85	PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT29	21
86	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN GRED C29	3
87	PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29	24
88	PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G29	5
89	PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KA29	130
JUMLAH LANTIKAN JAWATAN DIPLOMA		2,488
JAWATAN SIJIL / SPM		
90	JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19	6
91	LASKAR KELAS II MARITIM GRED T1	21
92	PEGAWAI BOMBA GRED KB19	703
93	PEGAWAI IMIGRESEN GRED KP19	712
94	PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B19	1
95	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19	69
96	PEGAWAI PENJARA GRED KA19	743
97	PELUKIS PELAN (KEJ AWAM)(JA19)(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)	95
98	PELUKIS PELAN (SENI BINA) GRED JA19	7
99	PELUKIS PELAN (SENI BINA)(JA19)(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)	99
100	PEMBANTU AKAUNTAN GRED W19	20
101	PEMBANTU ANTIDADAH GRED S19	44
102	PEMBANTU ARKIB GRED S19	3
103	PEMBANTU BELIA DAN SUKAN GRED S19	18
104	PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19	35
105	PEMBANTU HIDUPAN LIAR GRED G19	39
106	PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19	194
107	PEMBANTU KESATRIA GRED S19	4
108	PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19	88
109	PEMBANTU LAUT GRED A19	26
110	PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV19	11
111	PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S19	130
112	PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S22	451
113	PEMBANTU PEMULIHARAAN GRED S19	3
114	PEMBANTU PENDAFTARAN GRED KP19	181
115	PEMBANTU PENERANGAN GRED S19	20

BIL.	SKIM	JUMLAH
116	PEMBANTU PENGUASA KASTAM GRED WK19	286
117	PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP19	133
118	PEMBANTU PENILAIAN GRED W19	8
119	PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN GRED N19	184
120	PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q19	14
121	PEMBANTU PERANGKAAN GRED E19	4
122	PEMBANTU PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S19	17
123	PEMBANTU PERTAHANAN AWAM GRED KP19	99
124	PEMBANTU PUSTAKAWAN GRED S19	4
125	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N19	75
126	PEMBANTU SYARIAH GRED LS19	3
127	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19	362
128	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19	463
129	PEMBANTU VETERINAR GRED G19	6
130	PENGAWAS HUTAN GRED G19	2
131	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19	28
132	PENYELIA ASRAMA GRED N19	9
133	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	368
134	PEMANDU/OPERATOR JENTERA PEMUNGGAH GRED H11	5
135	PEMBANTU AWAM GRED H11	343
136	PEMBANTU HIDUPAN LIAR GRED G11	8
137	PEMBANTU OPERASI GRED N11	361
138	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11	793
139	PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11	408
140	PENGHANTAR NOTIS GRED N11	16
JUMLAH LANTIKAN JAWATAN SIJIL / SPM		7,722
JAWATAN SEPARA PERUBATAN		
141	JURU X-RAY GRED U29	55
142	JURURAWAT GRED U29	1,837
143	JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN GRED U29	178
144	JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U29	53
145	PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U29	158
146	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29	98
147	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29	758
148	JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19	88
149	PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U19	98
JUMLAH LANTIKAN JAWATAN SEPARA PERUBATAN		3,323
JUMLAH LANTIKAN KESELURUHAN		15,090

LAGU SPA

DENGAN SEMANGAT MERDEKA
TERTUBUHNYA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
SATU BADAN YANG PENUH BERWIBAWA

BEBAS, ADIL DAN BERKESAN ASAS SEGALA URUSANNYA
MELAKSANAKAN FUNGSI PERLEMBAGAAN MENCORAK
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA

KUALITI MEJADI TERAS PERKHIDMATAN MUDAH, CEPAT,
TEPAT ASAS TINDAKAN NILAI ETIKA MURNI DIAMALKAN
MENDOKONG PERKHIDMATAN CEMERLANG

SENTIASA BERTEKAD DAN BERUSAHA MENEMPUH ARUS
KEMAJUAN BERBEKAL SEMANGAT YANG WAJA BERGERAK
MENCAPAI WAWASAN

Lagu oleh:

Allahyarham Encik Abdul Rahman bin Jaafar
(Mantan Urus Setia SPA Cawangan Sarawak)

dan

Allahyarham Alias bin Jamsuri
(Mantan Pegawai Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)

Lirik oleh:

Tuan Haji Zolkifli bin Rasip
(Mantan Pegawai Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)



**SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

Aras 6-10, Blok C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62520 Putrajaya, Malaysia.

Telefon/Faks/URL

+ 603 8885 6000 + 603 8888 5036
<http://www.spa@gov.my>

ISSN 2289-6449



9 772289 644008